


Jilid III
Bil. 18



Hari Khamis
31hb Januari, 1974

MALAYSIA

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1501]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1511]

Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua [Ruangan 1512]

DICETAK OLEH
MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMANANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1974

MALAYSIA

PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Khamis, 31hb Januari, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID (Dilantik).

- Yang Berhormat TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N., (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kedah).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TAN SRI MOHD. NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN OOI ENG HONG (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PCNNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATUK KHOO SIAK CHEW, S.P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).

„ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

„ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).

„ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

„ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PINJAMAN LUAR NEGERI

1. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kewangan menyatakan negara-negara yang meminjamkan wang kepada Malaysia sekarang ini dan jumlah yang dipinjam dari tiap-tiap negeri itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, butir-butir mengenai pinjaman-pinjaman luar negeri yang diperolehi oleh Malaysia sehingga 31hb Disember, 1971 boleh didapati pada muka surat (iv) hingga (xiii) dalam buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Persekutuan bagi Tahun 1973. Di dalam tahun 1972 dan sehingga akhir sukutahun ketiga tahun 1973, Malaysia telah menandatangani perjanjian-perjanjian pinjaman dengan negara-negara dan pertubuhan-pertubuhan kewangan antarabangsa seperti berikut:

Negara	Jumlah (MS juta)	
	1972	1973
1. Jerman	70.4	—
2. Jepun	—	14.7
3. Amerika Syarikat	59.4	—
4. Bank Dunia (IBRD)	88.5	145.4
5. Bank Pembangunan Asia (ADB)	59.3	23.3
6. Lain-lain (termasuk kumpulan-kumpulan Bank)	200.0	42.0
	<hr/>	<hr/>
	477.6	225.4

RUMAH TOL SLIM RIVER—HAWA
DINGIN

2. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

(a) samada Kerajaan bercadang untuk memasang alat kuasa dingin di bilik kaca yang sempit dan panas di Pintu Tol, Slim River untuk keselesaan

pemungut-pemungut tol yang bekerja dua puluh empat jam sehari semalam; dan

(b) memandangkan kepada kenyataan Kerajaan beberapa tahun dahulu bahawa selepas perbelanjaan bagi membina sebatang jalan baru di situ dapat dipungut kembali, kutipan tol di Pintu Tol, Slim River akan diberhentikan, nyatakan samada perbelanjaan tersebut telah didapati balik sekarang.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Cadangan memasang alat penghawa dingin di Rumah Tol, Slim River telah diteliti oleh Kementerian saya. Berdasarkan kepada tugas-tugas yang dijalankan oleh kakitangan di sini adalah didapati langkah menghawa ditinginkan tempat tersebut tidak praktik.

(b) Setahu saya Kerajaan tidak membuat kenyataan bahawa selepas sahaja perbelanjaan bagi membina jalan baru, kutipan Tol di Slim River akan diberhentikan dan sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat sehingga pada masa ini perbelanjaan membina jalan baru ini telah pun didapati semula.

LANDASAN KERETAPI TAMPIN—
TANJUNG KLING

3. Tuan Chua Ching Chen minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan akan membina sebatang landasan keretapi dari Tampin ke Tanjung Kling di Melaka di mana sebuah jeti akan dibina tidak beberapa lama lagi bagi membolehkan pengangkutan barang-barang dijalankan dengan senangnya dari dan ke jeti tersebut.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Wong Seng Chow): Tuan Yang di-Pertua, Pentabdiran Keretapi Tanah Melayu telah membuat kajian di atas perkara ini dan berpendapat tidak akan membina landasan keretapi dari Tampin ke Tanjung Kling di Melaka, di mana sebuah jeti akan dibina. Kerajaan lebih mengutamakan kepada langkah memperbaiki landasan-landasan yang sedia ada daripada menambah di tempat-tempat lain.

FELDA—PEMILIHAN PESERTA RANCANGAN

4. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau akan menetapkan quota seperti sebanyak 30% bagi kaum bukan bumiputra mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan FELDA untuk mengujudkan dan menyusun semula satu masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak menetapkan quota mengikut keturunan atau kaum dalam pemilihan peserta-rancangan-rancangan FELDA. Semua warganegara Malaysia yang berumur di antara 18 hingga 35 tahun dan bagi bekas-bekas ahli Pasukan Keselamatan sehingga 40 tahun umurnya yang telah berkahwin serta mempunyai tanah kurang dari 2 ekar adalah layak untuk memohon memasuki rancangan FELDA. Keutamaan dalam pemilihan peserta adalah seperti yang ditetapkan dalam syarat sistem pemilihan di mana mereka yang mendapat markah yang tertinggi sekali akan mendapat tempat di rancangan-rancangan FELDA.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah FELDA memberi quota kepada bekas-bekas perajurit?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

NELAYAN-NELAYAN DI SELAT MELAKA

5. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar mengenai tangkapan-tangkapan yang dibuat oleh pihak berkuasa Indonesia ke atas nelayan-nelayan kita di perairan antarabangsa di Selat Melaka yang mengakibatkan rasa bimbang di kalangan nelayan-nelayan yang menangkap ikan di kawasan itu, dan jika ya, nyatakan samada Kerajaan kita bercadang untuk berunding dengan Kerajaan Indonesia mengenai perkara ini.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya pernah menerima laporan berkenaan dengan penangkapan nelayan-nelayan di Selat

Melaka oleh pihak berkuasa Indonesia. Menurut siasatan dengan Pihak Berkuasa di Indonesia nelayan-nelayan yang tertangkap itu adalah mereka yang menceroboh perairan Indonesia.

Malaysia dan Indonesia telah menandatangani perjanjian tentang penetapan garisan batas laut wilayah kedua-dua negara di Selat Melaka pada 17hb Mac, 1970. Perjanjian tersebut telah disahkan oleh Malaysia pada 16hb November, 1970 dan oleh pihak Indonesia pada 10hb Mac, 1971. Dalam soal perikanan tiap-tiap negeri hendaklah menangkap ikan di kawasan perairan sendiri dan orang-orang luar tidaklah berhak berbuat demikian.

Perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu boleh dirundingkan dengan pihak pemerintah Indonesia menerusi Jawatankuasa Bersama Sempadan Serantau. Jawatankuasa itu telah membincangkan masalah-masalah keselamatan lalu lintas di Selat Melaka dan telah bersetuju mengadakan perundingan bersama antara tentera laut masing-masing.

JETTY DI KUALA TRENGGANU

6. Tuan Ibrahim bin Yaacob (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bila kerja-kerja membina Jetty Kuala Trengganu akan dimulakan dan dijangka siap serta berapa anggaran belanjanya.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja membina Jetty di Kuala Trengganu itu, dijangka akan dimulakan pada bulan hadapan dan akan mengambil masa kira-kira satu tahun. Perbelanjaan membinanya termasuk harga mengukur, penyiasatan tapak dan upah menggunakan pakar-pakar perunding ialah kira-kira \$670,000.

NELAYAN-NELAYAN DI PANTAI TIMUR—BANTUAN

7. Tuan Abu Bakar bin Ahmad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) syarat-syarat bagi mendapatkan bantuan jentera dan pukut untuk nelayan-nelayan di Pantai Timur;
- (b) bilangan nelayan-nelayan yang telah menerima bantuan seperti ini di Trengganu, Kelantan dan Pahang; dan

(c) samada rancangan ini akan diteruskan.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua,

(a) syarat-syarat untuk membolehkan seseorang nelayan dipertimbangkan bagi mendapat bantuan enjin, pukot atau kedua-duanya adalah seperti berikut:

- (i) berumur di antara 18-55 tahun, tetapi keutamaan diberi kepada yang berumur di antara 26-45 tahun;
 - (ii) berpendapatan di antara \$50-\$300 sebulan, tetapi keutamaan diberi kepada yang berpendapatan dari \$121-\$150 sebulan;
 - (iii) memegang pekerjaan sebagai Awak-awak, Juru enjin, Juru pukot atau Taikong dan berpengalaman sebagai nelayan dari 1-10 tahun dan keutamaan diberi kepada yang berpengalaman seelok-eloknya 5 tahun ke atas;
 - (iv) mempunyai tanggungan yang besar di dalam keluarganya, misalnya 10 orang;
 - (v) memiliki bot yang mempunyai enjin sangkut atau bot layar ataupun sedang membina bot-bot itu;
 - (vi) menjadi ahli di dalam salah satu pertubuhan nelayan samada Persatuan Nelayan mahupun Syarikat-syarikat Kerjasama Nelayan;
 - (vii) berada dalam keadaan sihat;
 - (viii) keutamaan akan diberi kepada nelayan-nelayan yang telah mendapat latihan di Pusat Latihan Nelayan.
- (b) Bilangan nelayan-nelayan yang telah menerima bantuan ada seperti berikut:

Negeri	Bilangan Nelayan 1972	Bilangan Nelayan 1973
Trengganu ...	84	19
Kelantan ...	39	8
Pahang ...	94	2
	217	29

(c) Rancangan bantuan ini akan diteruskan lagi di dalam tahun 1974 ini.

Datuk Mansor bin Mohamed: Soalan tambahan. Menurut keterangan Yang Berhormat Menteri tadi, rancangan ini diutamakan kepada orang yang telah ada menempah kulit ataupun telah ada mempunyai kulit moto itu sendiri. Jadi, kalau ini yang dimaksudkan, tidakkah Yang Berhormat Menteri

memikirkan rancangan ini hanya akan dinikmati oleh orang-orang yang sedikit mempunyai kemewahan, tidak akan dinikmati oleh orang-orang ataupun nelayan-nelayan yang hanya mempunyai modal seperti kata orang Trengganu "pengayuh seputong", maknanya mempunyai pendayung itu sahaja modalnya. Jadi apa halnya pada golongan ini dan barangkali Yang Berhormat Menteri sedar ataupun tidak, bantuan yang diberi pada masa yang lepas telah menjadi sungutan tidak puashati, sebab tidak sampai kepada kalangan-kalangan yang saya maksudkan itu.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, golongan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah termasuk dalam golongan yang boleh mendapat bantuan, kerana dalam penerangan yang saya beri tadi salah satu syaratnya ialah memiliki bot yang mempunyai enjin sangkut ataupun bot layar. Maknanya dia tidak ada mempunyai enjin, dia berkehendakkan enjin, atau sedang membina bot, kita juga memberi enjin. Kalau sekiranya kita memberi bantuan pukot misalnya kepada orang yang tidak mempunyai bot langsung, sudah tentulah pukot itu menjadi membazir, kalau tidak pun dijual, kerana dia sendiri tidak mempunyai bot sama sekali. Dengan sebab itu kita memberi keutamaan kepada orang yang mempunyai bot, tetapi tidak mempunyai enjin. Dengan sebab itu kita memberi enjin kepadanya supaya dia boleh berusaha menangkap ikan dengan lebih baik lagi. Kalau sekiranya dia mempunyai bot dan enjin, kita akan memberi pukot kepadanya supaya dia boleh menangkap ikan dengan cara baik menggunakan pukot-pukot yang moden.

Datuk Mansor bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri sedikit lagi penjelasan dan tambahan. Setahu saya, tidak ada lagi orang-orang yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, yakni yang tidak ada enjin ataupun tidak ada kulit yang dapat.

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri mengatakan kalau diberi enjin kepada mereka yang tidak mempunyai kulit, mungkin barangkali enjin ini akan dijual. Saya rasa kalau diadakan kawalan tidak akan berlaku demikian, kerana kebanyakan nelayan-nelayan yang saya tahu di tempat saya, sebab dahulu saya mewakili satu kawasan nelayan mereka ini bekerja nelayan sebagai penunjang, yakni botnya dipunyai oleh seorang

taukeh, dia ini dipanggil Awak-awak kata orang Trengganu, bagi kita disini kelasi. Jadi, dia hanya membawa modal itulah tadi, satu pengayuh. Saya rasa kalau rancangan ini hendak diberi supaya berkesan dinikmati oleh mereka, apa salahnya Yang Berhormat Menteri memberi bantuan enjin kepada mereka dengan mengguna bot yang dipunyai oleh taukeh tadi. Dengan jalan itu dibahagi, pendapatannya akan lebih daripada biasa. Maknanya, dia bahagian enjin ada bahagiannya, bahagian kulit ada bahagiannya sebagaimana yang berjalan sekarang juga memang begitu. Di kampung-kampung ada setengahnya orang ini menjadi taukeh bot (kulit), dan tiga-empat orang ada pula taukehnya bahagian pukut. Ini memang telah berlaku dan ada berjalan.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, masalah tidak puashati dan berperasaan bermacam-macam berlaku dengan sebab jumlah nelayan-nelayan yang ada di pantai Trengganu ialah lebih kurang 10,000. Daripada 10,000 itu boleh dikatakan 8,000 barangkali yang bergantung kepada pencarian dengan bot sendiri dan ada di antaranya tidak mempunyai bot dan bermacam-macam. Kita memberi keutamaan, seperti saya katakan tadi, kepada orang-orang yang ada sampan, tetapi tidak ada enjin, kita beri enjin. Orang yang sudah ada sampan dan enjin, tetapi tidak ada pukut, kita memberi pukut. Orang yang tidak mempunyai sampan tidak mempunyai enjin, tidak mempunyai pukut sama sekali, mereka ini menjadi Awak-awak ataupun menjadi kelasi sahaja dalam bot yang dipunyai oleh taukeh-taukeh. Biarlah mereka menjalankan perusahaan mereka sedemikian itu. Dalam pada itu, pihak MAJUIKAN pula tidak ketinggalan daripada membantu orang-orang ini pada masa sekarang ini, iaitu mulai daripada bulan sudah saya telah merancang atau menjalankan 15 bot pukut tunda di Kuala Trengganu dan di situ nelayan-nelayan yang tidak mempunyai sampan, tidak mempunyai bot, tidak mempunyai enjin dan tidak mempunyai pukut boleh masuk bekerja di dalam bot-bot yang dipunyai oleh MAJUIKAN dan manakala mereka ini masuk bekerja dalam bot-bot rancangan MAJUIKAN ini, mereka dipaksa membuat simpanan kepada MAJUIKAN tiap-tiap bulan dan pada akhirnya mereka boleh mengumpulkan wang yang agak cukup samada hendak beli bot sendiri ataupun

membeli saham dalam perusahaan MAJU-IKAN bagi masa akan datang. Rancangan yang panjang atau rancangan lanjut ada dibuat bagi nelayan-nelayan ini, tetapi sebagaimana saya sebutkan tadi, keutamaan diberi kepada mereka yang hendak kata dhaif sangatpun, tidak; senang sangatpun tidak; tetapi duduk di peringkat pertengahan. Kalau sekiranya kita memberi pertolongan barangkali mereka ini boleh terlepas daripada cengkaman taukeh-taukeh yang ada. Jadi, itulah golongan yang kita beri keutamaan bantuan atau pertolongan.

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan penghabisan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan rancangan ini akan diteruskan, jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan berapa banyak peruntukan tahun 1974 ini akan diberi bagi Negeri Trengganu, Kelantan dan Pahang?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidak dapat hendak sebut berapa untuk Trengganu, berapa untuk Kelantan, tetapi untuk kesemuanya boleh didapati di dalam Anggaran Perbelanjaan. Jadi Anggaran Perbelanjaan ini belum diluluskan. Saya tidak tahu samada wang ini boleh dikeluarkan atau tidak, diberi atau tidak. Jadi luluskan dulu anggaran ini, barulah dapat saya membuat ketetapan.

LOMBONG—TANAH RUNTUH

8. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) bilangan kejadian-kejadian tanah lombong runtuh yang telah berlaku sejak bulan Januari, 1973 di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia dan bilangan jumlah keluarga-keluarga yang terlibat dan jumlah nyawa yang terkorban;
- (b) apakah langkah-langkah bantuan, pampasan dan pemulihan yang telah diberi kepada mangsa-mangsa atau keluarga-keluarga mangsa yang terlibat; dan
- (c) apakah langkah-langkah untuk menghindar dan mengawas beliau akan ambil bagi mengurangkan kejadian-kejadian tanah lombong runtuh selanjutnya.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak bulan Januari hingga November, 1973, tiga belas kejadian keruntuhan tanah di muka-muka lombong telah berlaku, iaitu sebelas kejadian di Perak dan dua kejadian di Selangor. Jumlah keluarga yang terlibat dan nyawa yang terkorban akibat keruntuhan-keruntuhan tanah ini ialah 21 orang.
- (b) Langkah-langkah bantuan, pampasan dan pemulihan kepada mangsa-mangsa atau keluarga-keluarga mangsa yang terlibat itu telah diambil oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat bersama-sama dengan Kementerian Kebajikan Am. Tanggungan-tanggungan mangsa-mangsa kejadian itu telah diberi bantuan sertamerta oleh pegawai-pegawai Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat untuk menuntut pampasan daripada majikan mereka mengikut Ordinan Pampasan Pekerja-pekerja. Sementara itu pihak Kementerian Kebajikan Am pula telah menyatakan iaitu kes-kes yang telah dirujuk kepada mereka atau mereka datang untuk mendapatkan bantuan adalah seperti berikut:

Perak:

Enam keluarga telah diberi bantuan setelah dijalankan penyiasatan seperti berikut:

- (i) tiga keluarga diberi bantuan sekali gus berjumlah \$110, dan
- (ii) tiga keluarga yang lain tiap-tiap satu diberi bantuan seperti berikut:
- (a) \$35 sebulan selama 3 bulan.
- (b) \$25 sebulan selama 3 bulan.
- (c) \$20 sebulan selama 6 bulan.

Ketiga-tiga keluarga ini kemudiannya telah menerima wang pampasan pekerja mereka.

Selangor:

Tiada kes yang telah dirujuk kepada Kementerian Kebajikan Am atau mereka itu datang untuk mendapatkan bantuan.

- (c) Kejadian tanah runtuh tidak dapat dielakkan sama sekali. Walau bagaimanapun Jabatan Galian di bawah Kementerian itu telah mengambil semua tindakan yang perlu untuk me-

laksanakan peraturan-peraturan di bawah Undang-undang Galian dengan lebih tegas lagi supaya kejadian tanah runtuh boleh dapat dikurangkan lagi. Selain daripada itu, kursus-kursus keselamatan lombong bagi pelombong-pelombong dan pengurus-pengurus lombong telah pun diadakan juga supaya menanamkan perasaan kesedaran keselamatan kepada mereka.

PENAGIH-PENAGIH CANDU/ MORPHINE

9. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) anggaran bilangan penagih-penagih candu dan morphine di Malaysia; dan
- (b) samada wujudnya kelinik-klinik untuk memulih penagihan dadah di beberapa hospital Kerajaan di mana penagih-penagih candu dan morphine boleh mendapat pertolongan untuk menghapuskan penagihan mereka; jika tidak, samada beliau akan menimbang menuhkan kelinik-klinik memulih penagihan dadah di beberapa hospital di Malaysia.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan sebenar penagih-penagih dadah di Malaysia tidaklah diketahui, bagaimana kita hendak ketahui bukan semua yang makan dadah itu memberi report menghantar nama, tetapi jumlah bilangan orang-orang yang telah ditangkap kerana menggunakan dadah-dadah merbahaya bagi tahun 1972 ialah seramai 1,146 dan bagi tahun 1973 ialah seramai 1,716.
- (b) Tidak ada kelinik-klinik pemulihan dadah dalam hospital-hospital Kerajaan tetapi kemudahan rawatan ada didapati dalam semua Hospital Kerajaan bagi penagih-penagih yang memerlukan pertolongan untuk menghapuskan penagihan mereka.

Selain daripada itu, saya juga sebagai yang bertanggungjawab berkenaan mencegah madat dan dadah ini daripada merebak telah berunding pula dengan Kementerian Kesihatan pada masa-masa yang akan datang bagaimana caranya kita hendak adakan

pemulihan-pemulihan selain daripada rawatan, dan jikalau rancangan itu dapat di-segerakan kita kelak akan mengambil tindakan untuk mengadakan Pusat-pusat Pemulihan misalnya sekurang-kurang satu di Utara, satu di Tengah dan satu di Selatan mengikut keadaan dan bilangan mereka yang berkehendakkan pemulihan.

Yang susahnya pemulihan ini, Tuan Yang di-Pertua, selepas dirawat dan dipulihkan katalah 2 minggu dia balik ke rumah, selepas itu dia menghisap dadah balik, jadi sampai bila hendak dijaga. Inilah satu masalah yang sangat-sangat rumit kerana pihak Polis mustahil dapat kita menjaga mereka itu sampai bila-bila lepas dia pulih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selepas perjalanan Mesyuarat mengenai Usul yang ada di hadapan Majlis hari ini, dan apabila selesai Mesyuarat Majlis Dewan Negara hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 4hb Februari, 1974.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai perjalanan Mesyuarat mengenai Usul yang ada di hadapan Majlis hari ini, dan apabila selesai Mesyuarat Majlis Dewan Negara hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 4hb Februari, 1974.

USUL

KAJIAN SEMULA PERTENGAHAN PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Usul dikemukakan oleh Peguam Negara dan masaalah dicadangkan.

Bahawa Dewan ini, *sambil menyedari* kejayaan cemerlang dalam masa tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua dalam usaha-usaha untuk mencapai dua matlamat utama Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia bagi memperimbangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, *meluluskan* Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, dengan peruntukan-peruntukan perbelanjaan pembangunan awam yang dikaji semula bagi tujuan memenuhi matlamat-matlamat yang telah bertambah dari segi ukuran-ukuran dasar dan rancangan-rancangan pembangunan sebagaimana yang tercatat dalam Kertas Perintah No. 44 tahun 1973.

Bahawa, *sambil meluluskan* Kajian Semula Rancangan ini, Dewan *menyeru* agar semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup dengan sepenuh azam akan membaharui dedikasi dan melibatkan diri mereka dalam usaha yang penuh cabaran ini bagi menentukan kejayaan sepenuhnya matlamat Rancangan Malaysia Kedua serta Dasar Ekonomi Baru dan dengan ini akan mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama dan satu negara yang bersatu dan maju yang seharusnya dapat kita semua rakyat Malaysia banggakan dalam memberi perkhidmatan dan mempertahankannya, sebagaimana yang dikehendaki oleh Rukunegara. (30hb Januari, 1974).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak mengingatkan iaitu Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab dalam perbahasan Usul di hadapan Majlis hari ini pada pukul 4.30 petang. Oleh kerana itu untuk menjimatkan masa, saya minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat memendekkan ucapan mereka.

Perbahasan disambung semula.

3.00 ptg.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memendek-mendekkan ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dalam memberikan pandangannya kepada Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia, rasa saya tidaklah begitu adil, kerana Ahli Dewan Negara ini walaupun jumlahnya tidak begitu banyak, sudahlah tidak begitu banyak, masa yang diuntukkan kepada Dewan ini membahaskan pun terlalu singkat, seakan-akan melepaskan batuk di tangga sahaja.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Perkara ini telah dihaskan 3 hari dan 3 hari lagi untuk Belanjawan Tahunan termasuk 14 hari yang ditetapkan itu dan masa yang tinggal itu ialah bagi 40 Bil. Perkara ini sudah dikaji dengan halus dan difikirkan adil, 3 hari untuk Belanjawan dan 3 hari untuk menyemak semula Rancangan Malaysia Kedua itu. Mengikut peruntukan 14 hari itulah sehabis banyak yang dapat diberikan dan mana-mana Ahli yang tidak berpeluang dalam 3 hari ini, ada lagi peluang baginya dalam 3 hari yang akan datang kerana dalam Belanjawan semua perkara boleh dicakapkan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya peluang itu ada juga dan keadilan itu nampaknya hendak dipertimbangkan juga. Biarlah saya menyambung ucapan saya dan kawan-kawan saya biarlah mengambil masanya di belakang dengan panjang, tetapi saya hendak pendek-dekkan seperti Tuan Yang di-Pertua sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita akan hadapi di dalam negara kita ini bukan akan bertambah ringan, tetapi akan bertambah hebat dan bertambah jelas kerumitannya dengan pertumbuhan kehidupan rakyat di Malaysia ini dari setahun ke setahun. Tidak ada satu negara yang sedang membangun seperti kita ini yang akan dapat menyelesaikan masalah hidupnya di dalam tempoh yang sesingkat-singkatnya, dan tidak ada satu masalah akan selesai seluruhnya selagi kita ini bernama manusia, kita hanya akan dapat menyelesaikan masalah kita sendiri manakala kita telah dihantarkan orang ke lubang lahad. Sebagai satu negara dan satu bangsa masalahnya tidak akan selesai. Apa

yang kita hadapi sekarang ini cuba mengatasi masalah-masalah itu seberapa yang mungkin kita buat, supaya tidak menimbulkan masalah yang lebih rumit ke dalam jenerasi kita pada masa yang akan datang.

Kalau kita membaca, Tuan Yang di-Pertua, Kajian Semula Rancangan Lima Tahun Kedua ini kita akan dapat menelaah jumlah penduduk Malaysia ini pada tahun 1970 ialah seramai 10,810,000 orang, di Semenanjung Malaysia sahaja penduduknya berjumlah 9,180,081, di Sabah 653,000 dan di Sarawak 769,100 orang. Jadi, dari tiga wilayah Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak nampak kelebihan penduduk itu ada di Semenanjung Malaysia, dan kalau kita lihat luas kawasan, maka luas kawasan Sabah dan Sarawak masih dapat menampung kelebihan penduduk seperti yang kita lihat dalam daerah Semenanjung Malaysia ini. Jadi, saya nampak Sabah dan Sarawak yang kaya dengan segala hasil buminya, kayu-kayan dan dipandang kepada perkembangan negeri itu yang sedang maju di dalam rancangan-rancangan yang berikut, maka pada pendapat saya jumlah sedikit daripada penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak akan menghadapi kekurangan tenaga pekerja bagi membangunkan negeri Sabah dan Sarawak.

Untuk mengurangkan pengangguran yang bertambah dari setahun ke setahun di Semenanjung Malaysia, saya mengesyor atau mencadangkan kepada Kerajaan supaya menimbangkan kemungkinan yang boleh dibawa pemuda-pemudi atau belia-belie kita atau rakyat kita di Semenanjung Malaysia ini bagi menampung kekurangan tenaga manusia di Sabah dan Sarawak. Dengan demikian bukan sahaja kita telah dapat mengurangkan pengangguran di Semenanjung Malaysia, tetapi akan dapat memberikan tenaga pekerja di Sabah dan Sarawak kalau masalah-masalah ini dapat dijalankan dengan licin dan saksama. Di samping kita dapat mengurangkan pengangguran, kalau dikatakan pengangguran di Semenanjung Malaysia, maka hubungan rapat di antara rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak dengan rakyat Malaysia di Semenanjung Malaysia akan kian lama kian dapat memahami di antara satu dengan lain dan akan dapat juga merasakan bahawa kita adalah satu bangsa, satu negara dan mempunyai tanggungjawab yang sama. Tuan Yang di-Pertua, itulah cadangan saya atau menarik

perhatian Kerajaan supaya dapat difikirkan bagaimana dapat diadakan hubungan yang lebih rapat dengan menghantarkan belia-belia atau tenaga-pekerja dari Semenanjung Malaysia ke negeri Sabah dan Sarawak.

Di Semenanjung Malaysia ini sahaja pada tahun 1970 kita melihat dari jumlah penduduknya iaitu 52.7% terdiri daripada orang-orang Melayu, 35.8% terdiri daripada orang Cina, 10.7% dari keturunan India dan hanya .8% dari kaum-kaum lain. Kalau kita lihat kepada perbandingan penduduk di Semenanjung Malaysia, nampaklah bahawa orang Melayu atau bumiputra mempunyai kedudukan yang lebih besar iaitu 52.7% berbanding dengan orang bukan bumiputra. Mungkin ini satu kebanggaan, tetapi bagi saya ini bukanlah satu kebanggaan, malahan adalah menimbulkan masalah yang lebih besar, satu jumlah yang besar dia menimbulkan masalah yang besar. Jadi, masalah yang besar di kalangan orang Melayu ini kalau kita lihat bukan sahaja orang Melayu ini berada di dalam bandar, tetapi juga di luar bandar. Kalau kita lihat jumlah yang terbesar sekali ialah di luar bandar, dan kalau mereka di luar bandar dengan kehidupan yang tidak begitu kokoh dan dengan kehidupan yang tidak begitu baik, maka perlarian atau pengaliran orang Melayu itu dari luar bandar ke dalam bandar akan beransur-ansur pergi. Di dalam Penyata ini kita lihat ada penambahan orang Melayu mengalir ke dalam bandar dengan tujuan bahawa di dalam bandar itu ada rezki, ada terbuka mata-pencarian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak dengan cara demikian, cara pengaliran daripada luarbandar ke dalam bandar akan dapat mengatasi kesulitan kehidupan seseorang atau sesuatu golongan. Kalau kita lihat kepada kajian ini sendiri, mengikut kajian ini sebahagian besar daripada penduduk itu pula ialah terdiri daripada golongan-golongan belia lebih daripada 44.7% daripada jumlah penduduk berada di dalam lingkungan 14 tahun, 25.7% dalam lingkungan 15 tahun sampai 29 tahun dan jumlah penduduk dalam lingkungan umur yang bekerja iaitu di antara umur 15 sampai 64 tahun adalah kira-kira 52.1%. Jadi nampak oleh kita sekarang bahawa belia dan pemuda-pemudalah yang paling banyak mendiami negara kita sekarang baik di dalam bandar ataupun di luarbandar. Dan pengaliran daripada luarbandar ke dalam

bandar bukan orang-orang tua, yang pergi ke dalam bandar ialah orang muda, belia-belia, anak-anak muda yang akan pergi, dan ini di masukkan di sini mengatakan ada penambahan bumiputra ke dalam bandar itu, kalau kita selidik kita lihat kebanyakannya ialah terdiri daripada belia-belia, pemuda-pemuda yang kebanyakannya mungkin gagal di dalam persekolahan mereka mungkin tidak mencapai sekolah tinggi mereka, sebab tidak ada kemudahan yang sempurna di zaman penjajahan sampai mereka gagal di sekolah itu.

Kemudahan-kemudahan pelajaran seperti yang boleh kita dapat sekarang ini. Yang mengalir ke dalam bandar itu ialah belia-belia, muda-muda yang kurang mendapat pendidikan dan pelajaran. Apakah akibat daripada belia-belia yang pergi ke bandar dengan kurang pelajaran dan pendidikan ini? Apa yang akan berlaku? Yang akan berlaku ialah maksiat dan kejahatan-kejahatan.

Seorang belia, pemuda pergi ke bandar minta kerja tidak dapat, maka dia cari jalan lain. Kalau dia seorang beliawanis, wanita, daripada luarbandar ke bandar, pergi ke dalam bandar minta kerja tidak dapat, maka dia akan mencari jalan yang mengikut kehendak hawa nafsu. Dan ini kita tidak kehendaki dalam satu pembentukan masyarakat yang baharu dalam negara kita. Kita tidak mahu ada perimbangan yang seperti itu. Ada perimbangan di antara orang luarbandar dengan di dalam bandar sama, tetapi kehidupan dan cara hidup mereka berlainan. Ini yang kita tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua.

Yang membimbangkan kita perimbangan dalam lapuran ini juga mengatakan bahawa perimbangan jantina di dalam negara kita ini nampaknya begitu menarik perhatian iaitu setiap 100 orang lelaki didapati 101.4 orang wanita ertinya sama lebih kurang, tetapi kalau pergi kepada masyarakat Melayu mengikut kajian ini, maka masyarakat Melayu orang wanitanya lebih ramai daripada kaum lelaki. Kalau wanitanya lebih ramai daripada kaum lelaki baik dia di bandar atau di luarbandar, maka dia akan menimbulkan masalah sosial. Mesti menimbulkan masalah sosial yang kian lama kian rumit. Masalah akhlak akan timbul. Masalah keruntuhan rumahtangga akan berjalan. Kita harap dan kita minta doa kepada Tuhan negara

kita tidak akan menjadi negara yang mengalami keruntuhan akhlak. Oleh itu, saya mengesyurkan kepada Kerajaan bagi menahan pengaliran daripada luarbandar ke dalam bandar oleh belia-belia kita, terutama sekali oleh wanita-wanita kita yang muda-muda hendaklah diadakan suatu sekim atau diadakan suatu gerakan cepat dengan diadakan sekolah-sekolah vokesyenal yang lebih banyak di kampung-kampung, penambahar-penambahan kepada industri-industri ringan di kampung-kampung dan juga memberikan kemudahan-kemudahan bagi memodenkan teknik pertanian di daerah luar bandar. Dengan cara ini mereka dapat memahami bahawa hasil yang mereka dapat daripada pertanian yang moden itu adalah lebih baik dan lebih lumayan daripada makan gaji sebagai seorang kerani, receptionist atau Talipon Operetor di sesuatu pejabat swasta yang hanya mendapat \$150 sebulan dengan memberitahu kepada belia dan belia-wanis bahawa mereka tinggal di kampung lebih banyak mendapat kemudahan, maka saya rasa pengaliran daripada luarbandar ke dalam bandar akan dapat dihalang, akan dapat disekat dengan cara-cara yang lebih sistematik yang lebih sempurna, yang dibawa kemudahan-kemudahan itu kepada mereka di kampung-kampung.

Yang menjadi masaalahnya ialah kemudahan itu lambat sampai ke kampung-kampung, bukan tidak ada kemudahan-kemudahan itu, tetapi terlalu lambat, misalnya letrik dan jalan raya. Ini bagi kita sudah tidak menjadi masalah, kalau kita bercakap soal jalan raya orang ketawakan kita: orang ini gila, masih bercakap dari hal jalan raya, masih bercakap dari hal letrik, masih bercakap dari hal paip air, sedangkan kita sekarang ini di Kuala Lumpur macam di New York terang benderang, mewah segala macam, tetapi masaalah ini kalau dibawa ke kampung adalah suatu masaalah yang lebih besar. Seorang calon dalam Pilihan Raya boleh kalah di dalam Pilihan Raya itu, kalau calon yang melawannya itu hanya ini masaalahnya. Selama dia jadi wakil tidak ada jalan, tidak ada surau, tidak ada letrik, tidak ada paip air, dia boleh kalah. Begitu besar pengaruhnya di kampung-kampung. Sebab itu saya rasa di dalam mengimbangi orang-orang di kampung dengan orang di dalam bandar, kemudahan-kemudahan itu

disegerakan ke luar bandar seperti yang disebutkan tadi iaitu kemudahan letrik, kemudahan paip air, kemudahan persekolahan sehingga ada cukup dengan hostel, cukup dengan kemudahan-kemudahan sekolah seperti yang didapati di bandar-bandar, maka anak-anak itu tidak akan lari pergi ke dalam bandar. Jangan kita hanya cuma hendak berfikir secara 20 tahun dahulu. Misalnya, 20 tahun dahulu waktu kita menghadapi Pilihan Raya tahun 1959, kita pacakkan satu tiang di tepi jalan, kita kata jambatan akan didirikan di tahun 1960. Itu tidak laku lagi. Pilihan Raya tahun 1959 kita pacakkan satu signboard di situ: jambatan ini akan didirikan tahun 1960. Sehingga lapuklah dia jatuh ke dalam sungai, tegak balik, datang Pilihan Raya baharu, jambatan-jambatan tidak juga tegak misalnya. Ini tidak menjadi penarikan lagi kepada orang-orang di kampung-kampung. Apa yang menjadi penarikan sekarang ini iaitu kesungguhan.

Sekarang kita masih melihat, kalau kita pergi ke daerah-daerah kampung tiang-tiang letrik bercacak sepanjang-panjang jalan, tiang letrik tanpa wire, tidak ada dawai. Wiranya tidak ada. Tiang sahaja, katanya bilakah letrik ini akan masuk ke kampung? Jawabnya sesudah Pilihan Raya tahun hadapan ini sehingga menjadi perumpamaan ada tiang tidak ada wayar, begitu dan begini. Jadi, soal-soal yang seperti inilah patut diperhatikan oleh para Menteri, sebab yang menjadi sulit ini bukan Menteri sahaja, tetapi ialah orang-orang yang seperti kita ini yang masuk ke kampung-kampung yang menerima hukuman, pukulan dan peranyaan daripada orang kampung. Saya harap terutama sekali kepada Yang Berhormat Menteri-menteri kita memerhatikan soal ini dengan sungguh serious. Kalau tiangnya sudah ditegakkan, maka wayarnya mesti dipasang, kalau tidak pihak yang sakit ialah kita sendiri. Itulah sahaja saya nampak cara-cara yang boleh kita sekat orang dari kampung ke bandar-bandar dengan memberikan kemudahan, adakan industri-industri kecil di kampung-kampung, adakan perusahaan-perusahaan yang boleh mendatangkan hasil di kampung-kampung, adakan sekolah-sekolah vokesyenal, sekolah-sekolah kepanuaan tangan yang bolen mereka itu hidup dan tidak payah mereka itu lari ke dalam bandar. Itulah yang saya rasa sungguh dukacita kalau belia-belia kita yang disebutkan dalam lapuran ini adalah jumlah

yang terbesar dalam negara kita. Mereka mahu makan, mahu minum, mahu pakaian, mahu berlagak dan sebagainya akan lari ke dalam bandar dan akan menjadi orang jahat, hisap ganja, mabuk di sana, mabuk di sini dan wanita-wanita kita jadi kerani gajinya \$150 tetapi boleh pakai mo okar Volvo di bandar Kuala Lumpur. Jadi receptionist dengan gaji \$120 tetapi sanggup tinggal di flat dengan bayaran \$400 sebulan serta cukup dengan talipon. Kita tidak mahu masalah ini berlaku. Ini keruntuhan akhlak. Kalau kita perhatikan menjulok mata kita. Kita akan menangkap pelacur-pelacur, tetapi pelacur-pelacur terhormat seperti ini yang berlindung di bawah naungan-naungan yang kokoh terlalu sulit untuk ditangkap. Baharu-baharu ini negara yang dilanda oleh bahaya-bahaya ini telah begitu pincang seperti negara-negara yang pernah kita baca dalam surat-kabar. Anak-anak gadis kita akan menjadi kurban. Ibu-bapa mereka akan berasa seronok menerima kiriman anaknya \$200-\$500 sebulan tanpa bertanya dari mana wang ini engkau dapat. Dia tidak bertanya baju yang engkau beli satu ela \$45.00 siapa yang memberinya, tetapi dia akan berasa puas kalau anaknya pulang dengan kereta Volvo merah a.upun dengan kereta sport Mercedes. Inilah masalah sosial yang akan timbul dengan kita tidak membuat kemudahan-kemudahan yang segera di dalam kampung-kampung kita.

Di sinilah juga, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa peranan dakwah yang baharu-baharu ini telah diistiharkan penubuhan dakwah atau Yayasan Dakwah di negara kita. Besar ertinya ini, tetapi dakwah memanggil orang, melarang orang dari melakukan kejahatan, menyuruh orang supaya melakukan kebaikan, saya rasa dakwah ini telah dijalankan oleh semua bentuk missionary, baik orang Islam, baik Kristian, baik Buddha, baik Brahmina, baik apa sahaja agama dakwah ini berjalan, dan menyatakan jadilah engkau seorang hamba Allah yang betul, jadilah engkau seorang yang ikhlas, jadilah engkau seorang sami yang menghilangkan kepentingan dunia. Kalau itu sahaja tidak cukup kalau tidak disamakan dan di seimbangkan dengan kehidupan orang yang kita beri dakwah itu. Yayasan Dakwah ini adalah kehendak kita sendiri dan saya memberikan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah melahir-

kan Yayasan Dakwah, saya yakin dakwah ini akan lebih berkesan kalau dia benar-benar merupakan dakwah yang bukan hanya dengan secara mulut tetapi secara praktik. Kalau menyebut seorang Muslim itu ialah orang yang kaya, yang senang, maka dakwahlah menuju untuk mencapai kesenangan dan kekayaan bagi seorang Muslim. Dakwah tidak hanya mengatakan jadilah engkau seorang Muslim dan anak bidadari akan menunggu engkau di syurga tidak mampu sekarang ini. Walaupun ini benar, tetapi kita tidak dapat memanggil belia-belia dan beliawanis-beliawanis kita, jadilah engkau orang yang taat kepada Tuhan, dia akan bertanya balik kepada kita, bagaimana saya mahu taat tuan, kalau perut saya lapar. Jadilah cerita bangau dengan ikan, cerita bangau di tepi sungai menunggu-nunggu. Jadi, soal inilah yang kita patut fikirkan, disamping kita melahirkan satu masyarakat yang adil, harmonis yang damai di antara satu kaum dengan yang lain yang mempunyai ekonomi yang stable, tetapi kita menjaga daripada keruntuhan akhlak yang sangat berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya, dalam lapuran ini menyebutkan kebimbangan-kebimbangan yang saya sempat dengan lapuran ini, katanya penambahan penduduk beberapa puluh tahun yang akan datang sangat membimbangkan. Penambahan penduduk yang sangat membimbangkan bahawa kelahiran manusia akan tidak dapat disekat. Di antara tahun 1970 dengan tahun 1975 kata Penyata ini, bilangan orang-orang perempuan yang boleh melahirkan anak dijangka akan bertambah dua kali lebih pesat dari jumlah penduduk. Suatu industri manusia yang tidak dapat ditahan oleh mana-mana tenaga. Kelahiran yang begitu pesat yang dibimbangkan oleh lapuran ini, lapuran ini menyatakan kerana itulah kita cuba supaya kita mengadakan rancangan-rancangan keluarga yang lebih effective. Apakah ini ubatnya yang sebenarnya di dalam menghadapi masalah sosial, masalah-masalah ekonomi kepada bangsa kita, apakah rancangan keluarga hanya merupakan satu-satunya jalan bagi mengatasi hal ini. Saya tidak nampak bahawa ini satu-satunya jalan, tetapi ini satu di antara beberapa jalan yang harus dilalui oleh Kerajaan kita. Mahu atau tidak mahu kebanjiran penduduk ini dengan tenaga wanita yang sanggup

melahirkan anak yang bertambah jumlahnya, yang bertambah kegiatannya tidak akan dapat menahan kebanjiran ini, sebab itu adalah merupakan suatu tabii manusia. dan memandulkan laki-laki, atau perempuan itu bukan juga satu-satunya jalan bagi mengatasi masalah ini. Mengatasi masalah ini iaitu inilah saya rasa Kajian Semula Rancangan Malaysia Yang Kedua ini. Setiap pertengahan penggal kita kaji semula Rancangan Malaysia Yang Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima dan seterusnya bagi menghadapi kebanjiran manusia yang begitu hebat seperti disebutkan di dalam Penyata ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menjalankan Dasar Rancangan Malaysia Yang Kedua yang berdasarkan perlandasan kepada Dasar Ekonomi Baru ini dengan sungguh-sungguh, bukan sahaja oleh pembuat Dasar Ekonomi Baru, tetapi ialah pelaksanaan dasar itu sendiri. Saya ucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai kita yang didikasi yang telah mengadakan Buku ini, saya rasa tentulah sakit juga kepalanya membuat, seluruh aspek ada tertulis di sini, tidak ada sesuatu yang tersembunyi, tidak ada sesuatu yang rahsia di dalam kehidupan masyarakat kita di Malaysia setelah kita membaca Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua ini. Suatu usaha yang sangat kita hargakan dan setelah ini ternyata begini bentuknya masyarakat, kita harap pegawai-pegawai, orang-orang yang intelek, orang-orang yang diberikan amanah oleh Kerajaan, dan oleh rakyat akan dapat mengatasi masalah ini supaya masyarakat kita tidak diganggu dengan anasir-anasir yang lain seperti pesatnya Rancangan Malaysia Yang Kedua, pesat juga kempen dari pihak lawan kita untuk memburuk-burukkan Kerajaan seperti yang kita dengar kegiatan kominis yang bertambah dari daerah perbatasan masuk ke dalam daerah-daerah yang kita tidak sangka boleh jadi begitu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu masalah yang berat dan saya berdoa kepada Tuhan semoga Rancangan Malaysia Yang Kedua, Ketiga dan seterusnya di bawah Dasar Ekonomi Baru ini bukan sahaja dapat meninggikan taraf hidup rakyat kita, tetapi akan dapat memerangi unsur-unsur kominis, kejahatan-kejahatan yang datang bersama-sama anti-Tuhan, gerakan-gerakan gila sosial, yang merusakkan keperibadian kita sebagai

satu bangsa, maka harapan kita yang akhir tidak lain ialah kepada pemimpin-pemimpin kita terutama Menteri-menteri dan pegawai-pegawai yang didikasi bagi mengatasi masalah yang rumit ini.

3.35 ptg.

Tuan Haji Dzulkifli bin Datuk Haji A. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan rasa setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun yang telah mencadangkan perlantikan saya oleh pihak yang berkenaan menjadi Ahli Yang Berhormat duduk di Dewan yang mulia ini.

Saya sedar bahawa mungkin saya yang termuda sekali di Dewan ini dan pengalaman saya juga agak baru dari rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, namun saya merasa amat bertuah kerana diberikan kepercayaan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Sebagai seorang Senator dari Sabah, saya berikrar akan membawa ke Dewan ini masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat terutama sekali rakyat di Sabah dengan tegas dan berani.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong dan mengalu-alukan usul yang dikemukakan oleh Peguam Negara supaya Rancangan Malaysia Kedua dikaji semula, inginlah saya merakamkan sanjungan dan penghargaan tinggi kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak yang telah berjaya mencapai beberapa matlamat projek pembangunan dibidang socio-ekonomi, kebudayaan dan mengukuhkan kedudukan politik di Negara ini.

Bagaimanapun disamping kejayaan-kejayaan itu memang tidak dapat dinafikan terdapat beberapa kelemahan dan kegagalan. Maka sebelum kelemahan dan kegagalan itu menular dalam projek-projek Rancangan Malaysia Kedua, sudah kenalah pada tempatnya tindakan segera diambil bagi mengkaji Rancangan Malaysia Kedua dan seterusnya membetulkan jentera projek-projek Rancangan Malaysia Kedua yang belum dikendalikan.

Di tengah-tengah suara mahu membetulkan arah masyarakat hari ini, masih juga terdapat masalah besar dalam usaha membentuk masyarakat baru dengan nilai-nilai hidup

baru samada di bidang sosio-ekonomi, politik dan kebudayaan. Ternyata sekali bahawa usaha-usaha menyamatarafkan antara Bumiputra dengan bukan Bumiputra terutama dalam masalah sosio-ekonomi, masih jauh daripada matlamat kejayaan walaupun telah dirangka dalam Rancangan Malaysia Pertama hingga kepada Rancangan Malaysia Kedua. Dengan itu amat perlulah dikaji apakah benteng-benteng yang menghalang matlamat itu dan dicari ramuan mengubatinya.

Sedang kita berada di tengah-tengah jalan ke arah mengurangkan perbezaan antara kalangan Bumiputra dengan yang bukan Bumiputra, terdapat pula suara beberapa orang rakan kita yang cuba menghalang—ini seolah-olah mahu menjauhkan jurang perbezaan itu. Saya setuju dengan pendapat bahawa memberi keutamaan kepada Bumiputra di dalam penyelenggaraan dasar-dasar pembangunan tidaklah bermakna menimbulkan ketegangan sosial dan politik tetapi berdiri di atas kebenaran untuk keadilan masyarakat.

Keutamaan kepada Bumiputra dalam projek-projek pembangunan janganlah dilonggarkan malahan patut dikuat dan ditambah lagi dalam meneruskan Rancangan Malaysia Kedua itu supaya matlamat memberi perimbangan yang sejajar antara Bumiputra dengan bukan Bumiputra tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya cara-cara penyelenggaraan projek-projek memberi keutamaan kepada Bumiputra dalam semua lapangan samada di segi ekonomi, sosial dan pelajaran hendaklah diperbaiki dan diperkemaskan lagi. Projek-projek ini hendaklah dijalankan dengan lebih serious dan lebih tegas lagi. Inilah sahaja cara yang dapat mempercepatkan kejayaan mengurangkan jurang perbezaan antara Bumiputra dengan bukan Bumiputra yang masih menjadi penyakit hari ini.

Sebenarnya walaupun telah sekian lama kita merdeka, namun masih belum dapat dinafikan bahawa kaum Bumiputra masih ketinggalan jauh di belakang dan nasib ini patut terus dibela. Ini tidak bermakna bahawa kemajuan kaum lain dirampas untuk diberikan kepada Bumiputra, tetapi untung nasib Bumiputra itu hendaklah diberi perhatian yang lebih berat supaya mereka dapat sejajar dengan kaum yang lain. Dengan cara inilah baru timbulnya satu rupa masyarakat Malaysia yang baru. Kerajaan tidak seharusnya

melonggar dasar keutamaan kepada Bumiputra hanya kerana tekanan-tekanan politik beberapa orang yang tidak senang hati. Kalau tekanan-tekanan ini dilayan bilakah persamaan hidup itu tercapai, sampai kiamatpun kita tidak akan mencapai tujuan utama kemerdekaan Negara kita.

Masalah merbahaya dalam hidup manusia ialah kekurangan zat makanan dan dengan itu masalah yang bersangkutan dengan hal ini patut mendapat perhatian berat daripada Kerajaan. Saya berharap Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk meluaskan lagi kawasan penanaman padi dua kali setahun dengan secepat mungkin dan tidak seharusnya takutkan mempunyai lebih beras, tetapi takutkanlah masalah Negara kekurangan beras. Masalah petani boleh diselesaikan jika diadakan rancangan yang kemas bagi memelihara untung nasib mereka. Begitu banyak kawasan yang sesuai ditanam padi seperti di Labuk-Sugut Sandakan, Sabah dan patut ditanam padi secara besar-besaran. Ini patut dikendalikan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini rakyat heboh dengan kenaikan harga gula yang memang menjadi masalah semenjak bertahun-tahun dan tidak pernah selesai. Yang sebenarnya masalah kenaikan harga barang-barang keperluan harian seperti gula ini tidak begitu teruk menimpa rakyat yang bergaji, tetapi yang paling menderita ialah rakyat yang hidup mereka kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, yang terdapat di kawasan-kawasan luar bandar. Usaha memberi elaun atau tambahan gaji kepada mereka yang bergaji tidak dapat menyelesaikan masalah kenaikan harga barang-barang. Bagaimana pula halnya dengan rakyat tani/rakyat nelayan? Bila harga barang-barang naik siapakah yang memberi elaun atau pendapatan tambahan kepada mereka? Hidup mereka semakin pahit, semakin terhimpit. Masalah merekalah yang harus diberi seberat-berat perhatian.

Jika rakyat di Semenanjung Malaysia ini terasa pahitnya akibat kenaikan harga barang-barang dan juga gula maka lebih-lebih lagi di Malaysia Timur, terutama sekali di negeri Sabah. Ini ialah oleh kerana kedudukan physical antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dipisahkan oleh kira-kira 1,000 batu dan barang-barang yang diimpor ke negeri Sabah menggunakan lebih banyak perbelanjaan seperti tambang dan cukai. Dengan itu harga barang-barang keperluan di sana

jauh lebih tinggi dari yang terdapat di Semenanjung Malaysia ini. Jika tidak silap, harga gula di beberapa kawasan terpencil di Sabah seperti di Pensiangan telah melambung tinggi hingga \$1.35 sekati. Ini ialah oleh kerana gula yang dibawa ke tempat itu ialah dengan cara berjalan kaki berpuluh batu.

Melihat kepada kesusahan rakyat yang tidak dapat diselesaikan dengan elaun ini dan jika Kerajaan tidak dapat menurunkan harga gula ini dengan secepatnya, saya mencadangkan supaya Kerajaan memberikan pertolongan dalam bentuk subsidi di negara ini dan kalau tidak dapat diberikan kepada seluruh negara berilah bantuan kepada kawasan-kawasan terpencil di negeri Sabah supaya mereka dapat bersama-sama menikmati kemanisan gula.

Saya menyokong cadangan supaya Kerajaan mengambil tindakan yang lebih tegas dengan mengenakan hukuman yang berat terhadap pekedai-pekedai yang menyorok gula dan bahan-bahan keperluan harian. Perbuatan yang tidak jujur ini sering dilakukan sebagai alasan bahawa barang-barang tersebut tidak ada menyebabkan harganya melambung tinggi. Nampaknya kenaikan harga barang-barang keperluan ini terus menjadi masalah dan sukar diselesaikan. Dengan itu pihak Kerajaan sepatutnya mengetatkan lagi segala peraturan dan undang-undang yang dapat menyekat daripada berlakunya kenaikan harga barang-barang keperluan ini dengan sesuka hati oleh pekedai-pekedai. Keadaan ini tidak boleh dibiarkan dengan perhatian hanya diberi kepada pengguna-pengguna di bandar seperti memberikan mereka elaun. Ini tidak dapat menyelesaikan masalah ini. Nasib yang patut dahulu dibela ialah nasib rakyat di kawasan luar bandar yang tidak tentu pendapatan mereka, samada mereka nelayan atau petani.

Membabitkan masalah belia terlebih dahulu saya memberikan setinggi-tinggi sanjungan kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak yang menitikberatkan masalah belia seperti penubuhan Majlis Perundingan Belia Negara. Setakat ini Kerajaan dan belia telah dapat menggunakan Majlis Perundingan Belia Negara ini sebagai cara mengetahui masalah-masalah belia yang sebenarnya di mana beberapa rumusan telah diambil bagi mengatasinya. Di sini saya ingin menarik perhatian

Dewan ini supaya segala rumusan yang dicapai dalam Majlis Perundingan Belia Negara itu diambil tindakan segera. Tindakan-tindakan seumpama ini dapat menolong menyelesaikan masalah belia keseluruhannya, terutama sekali bersabit dengan masalah sosial dan pengangguran. Tidak ada faedahnya Majlis Perundingan Belia Negara sering bersidang dan mengadakan beberapa rumusan atau Majlis itu hanya digunakan untuk mendamaikan hati antara belia dengan Kerajaan, tetapi apa yang diputuskan dalam Majlis itu hendaklah diambil tindakan dengan lebih serious kerana rumusan-rumusan yang diambil oleh Majlis ini memainkan peranan yang lebih penting dalam usaha pembentukan masyarakat baharu.

Di sini saya mencadangkan supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan lebih banyak rancangan belia dan paling penting lagi menubuhkan satu unit khas yang khusus bersama-sama menyelesaikan masalah pengangguran belia kerana ini merupakan salah satu penyakit yang paling merbahaya di hadapan kita. Di samping usaha-usaha dan galakan Kerajaan mengadakan beberapa banyak pekerjaan bilangan pengangguran di kalangan belia semakin bertambah dari setahun ke setahun dan kalau tidak ada perhatian yang lebih ketat, ianya akan membesar dan membahayakan usaha-usaha penyusunan semula masyarakat. Masalah sosial, corak hidup dan dadah di kalangan belia sering menjadi bahan dalam strategi penyusunan masyarakat kita, tetapi jarang-jarang dipersoalkan masalah belia yang menganggur. Adakah kerana keadaan sosial maka lebih ramai belia menganggur atau kerana adanya masalah pengangguran maka timbulnya masalah sosial dan masalah dadah. Mereka ini harus diberi perhatian yang berat dan diambil tindakan yang berat juga. Masa depan negara terletak di bahu belia hari ini. Maka dengan itu untung nasib mereka hendaklah ditentukan dari hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di antara masalah penting dalam strategi penyusunan semula masyarakat kita ialah integrasi antara wilayah dan Kerajaan hendaklah memberi perhatian dari semua sudut struktur, dari segi sosial, ekonomi, pelajaran dan kebudayaan supaya segala projek dapat memenuhi kehendak penyusunan semula masyarakat seluruh wilayah dan bukan tertumpu kepada satu-satu kawasan tertentu sahaja.

Di samping itu usaha-usaha mengintegrasikan fikiran rakyat seluruh wilayah patut diperhebatkan lagi tetapi salah satu benteng menghalang masalah ini ialah soal perhubungan antara wilayah. Perkhidmatan yang diberikan oleh MAS pada masa ini agak sedikit memuaskan seperti menambahkan penerbangan antara wilayah dan mengadakan tambang murah. Hasil dari perkhidmatan ini kita melihat ramai peniaga-peniaga atau pengusaha-pengusaha serta rakyat antara wilayah saling kunjung-mengunjungi di samping banyak hasil kita perolehi dari penerbangan antarabangsa terutama di bidang pelancungan. Bagi memajukan lagi perkembangan ini MAS tidak seharusnya menaikkan harga tambangnya. Mungkin dengan menaikkan tambang MAS akan menambahkan keuntungan dari segi penerbangan tetapi akan mengurangkan kesan-kesan hubungan perpaduan, sosial, ekonomi dan kebudayaan antara wilayah kerana kurangnya kunjung-mengunjungi antara satu sama lain di samping tidak menggalakkan penumpang-penumpang luar negeri melihat keindahan negara kita yang hasilnya mengurangkan pendapatan negara juga. Jika dapat walaupun barangkali menyusahkan penumpang-penumpang tetapi ada baiknya penerbangan tambang murah ditambah lagi bagi membolehkan rakyat yang hidup bawahan dapat bersama-sama dengan orang-orang kaya kunjung-mengunjungi di antara wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, konsep menyusun semula masyarakat mempunyai banyak pertaliannya, bukan sahaja dari segi ekonomi dan pelajaran tetapi melibatkan soal-soal sosial dan kebudayaan. Saya ingin tahu apakah yang telah dijalankan oleh Kerajaan dalam menyelenggarakan rumusan Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang mempunyai fungsi-fungsi penting dalam penyusunan semula masyarakat dengan nilai-nilai maruah hidup yang tinggi itu. Kita tidak suka terlalu banyak kongres atau seminar kalau Kerajaan tidak memandang berat dan mengambil tindakan terhadap rumusan-rumusannya.

Saya ingin tahu sejauh manakah kompleks kebudayaan atau Panggung Negara yang diura-urakan itu diuruskan setakat ini. Masalah kebudayaan kebangsaan hendaklah diberi perhatian berat dalam Rancangan Malaysia Kedua ini seperti juga projek-projek lain. Hingga ini Kerajaan patut juga diberi penghargaan yang telah memandang

berat tentang masalah-masalah perkembangan bahasa dan kesusasteraan dan di harap perhatian itu diberatkan lagi dalam meneruskan Rancangan Malaysia Kedua. Kegiatan bahasa dan kesusasteraan juga mempunyai fungsi penting dalam memberi nilai-nilai harga seni dalam kehidupan masyarakat baru.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya dalam menyelenggarakan konsep satu kebudayaan kebangsaan ini di samping menambatkan inisiatif Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Radio dan Talivisyen di negara ini seharusnya menambahkan lagi peranannya dengan menyiarkan bahan-bahan yang lebih banyak ke arah mewujudkan kebudayaan kebangsaan. Usaha-usaha ini dapat menolong melahirkan satu masyarakat Malaysia yang baru dengan nilai-nilai kebudayaan yang benar-benar berperibadikan Malaysia ke arah perpaduan yang lebih erat antara semua kaum. Bahan-bahan terbitan tempatan yang boleh merevolusikan fikiran rakyat bukan sahaja dari segi ekonomi, sosial dan pelajaran malahan ke arah meninggikan nilai-nilai kesenian hendaklah ditambahkan lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang hendak menempohkan mesyuarat pada pukul 4.10 petang selama 20 minit. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab pada pukul 4.30 petang, saya minta sekali lagi agar Ahli-ahli Yang Berhormat meringkaskan ucapan mereka.

3.58 ptg.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar amaran Tuan Yang di-Pertua. Dengan sebab itu, saya ringkaskan ucapan saya.

Terlebih dahulu saya mengalu-alukan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara dan juga saya menyokong usul ini sepenuh-penuhnya. Kita semua di negeri ini wajib bersyukur kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang menjadi akitek Rancangan Malaysia Kedua ini dan juga Kajian Semula yang dikemukakan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) I realise, Sir, that time is short and I do not propose to make a long speech in view of the time factor.

This is a very historical document which is going to determine the future of our country. It is not a great revolutionary document because the process adopted in this Plan is progressive. It does not aim to do anything impossible. It is, on the other hand, very pragmatic and very realistic. It is well within our grasp, and we should thank the Government for presenting a workable Plan for the country.

As we all know, broadly the two main objectives of the Plan are the economic development and along with it the social development. These two have to go hand in hand and in harmony. In some countries, they went on with the social development first without the corresponding economic development. Ceylon comes to my mind. They had a very ambitious social policy and programme. They gave free rice, they gave free education up to the University and they brought problems on themselves because these were not matched by economic development. A lot of unemployed graduates were posing tremendous problems to that country recently and we all know what happened then.

Fortunately we here, I should say, are more realistic, in that the social and the economic developments are somewhat balanced and harmonized and the emphasis, in fact, is more on economic development which in turn will generate the social development because they are integrated and inter-dependent, and one cannot be really divorced from the other.

The economic development objectives are, firstly, to remove the poverty as it has been stated here and, secondly, to reduce the racial imbalance in terms of identification of a vocation with race. Both these are very practical approaches. The social development is to bring about restructuring of the society. I am glad that throughout this document it has been said over and over again in different places that the restructuring of the society will not be just limited to one particular race, and that the economic development also will not be limited to one particular race. In fact, an overall view has been taken to see that the restructuring of the society spills over into all races though, of course, the emphasis has been made in respect of bumiputras—rightly so. In this country all of us have to realise one thing

clearly, loudly and without any shred of a doubt: that nearly half the population of this country, namely, the bumiputras are disadvantaged at the moment, independence is meaningless if that situation continues and the country cannot have a peaceful growth if half the population lives in that position. So, so far as the non-Malays are concerned, it is in our own interests, the non-Malays' interests, to see that the bumiputras' interests are developed as envisaged in this Report—it is in our own interest, I say, and it is also in the interest of the nation. Likewise, it is also in the interest of the bumiputras to see that the non-Malays also have their rightful share as it has been mentioned in this Report, so that there could be a comprehensive and overall growth of all the people concerned. We cannot afford to have pockets which lag behind, pockets which are overlooked, so that in the expansionary growth one sector moves forward and another sector lags behind. This has been clearly drawn out, and I must say that it is a very carefully drawn project.

I am very glad and happy to note that our bumiputra brothers are very strongly motivated to progress and today in our country I think they are the strongest motivated community—rightly so. They have to be: they have no other choice. If they are not motivated, they cannot move forward. I am glad that the motivations are reduced in workable propositions, namely, within the next twenty years 30% participation. I say this is not revolutionary. This is a moderate ambition and it has to be moderate because responsible politicians should not try to offer something that would not be achievable and our politics is said to be the art of the possible, and what is possible should, of course, be the main feature of any programme.

Now, during the next twenty years, it is said that the progress expected for the Malays and the indigenous people is 30%; at the same time, it is said that for other Malaysians, it would be 40%. That would mean about nine times more than what the non-Malays hold in 1970. Then it goes on to say that for the foreigners it would be 30% and that will be five times their present position and this is the sharing of the assets or the capital of the country. Now, this is extremely interesting, and I would say that in these days of economic nationalism, our

Government here has taken a very, I should say, enlightened view. We do not say that foreigners should leave the country. We do not say that they have to give up everything and go away. We have provided a room for them even though at this time of our economic pattern their share is very great—in fact abnormally great—and it has got to be reduced if we want a fair balance in this country. Now, what is the present position? The present position right now is that in the ownership of, say, limited companies by race and sector, the Report says that of the \$5,288 million worth, the Malay portion is only \$102 million which is 1.9% and the Chinese portion is \$1,192 million which is 22% and the Indian portion is \$52 million which is 1% and the European share is \$3,207 million which is 60%. This is the present picture sectoral as well as racial. Of the Malaysian ownership share of the internal capital, Chinese hold the highest, which is 60%, if we take the Malaysians alone. This is not a balanced picture. We have to accept the fact and we have to see that changes are brought about in a very realistic manner and this Plan does nothing more than that.

In this connection, Sir, what I would like merely to say in brief is that in trying to project, say, 40% for other Malaysians, I would like this Plan to take a little more classified view. At the moment within the definition of "other Malaysians", a community such as the Indian community which has, for instance, only 1% of the ownership in limited companies is included and it may not present a very correct impression. It would appear that all the non-Malays are really holding a very high proportion as it stands now. I am not trying to distinguish between Chinese and Indians; but since we are very practical and we want to see that the restructuring is made relevant to all the races, then a classified view will have to be taken in implementing the programmes and projects of this Plan, so that the Indian community in this country would have its rightful place in the sharing of the assets and capital and so on. Right now the Indian community in this country is lopsided in its economic opportunities. Majority of them are in the rubber estates as wage earners. In fact, the bulk of the Indians in this country are mere wage earners. Their ownership in assets, industry and agriculture is very, very small. Their unemployment rate, as mentioned in this Report, is the highest; theirs

is nearly 11% and the unemployment rates for the other two races are lower than that of the Indian community—in fact, the rate of unemployment for Chinese is 7% and for Malays 8%. These are things that the Government, in trying to implement the programme, will have to take into account. They will have to identify the problems in terms of the various communities. I am not merely confining this to the Indian community because even within the Chinese community there are areas of poverty and it will have to be looked into to see that their poverty line is kept down. In fact, we do not want any poverty line at all in this country because of the fact that this country has tremendous resources and, if well developed, the entire nation can be made very affluent.

Sir, in view of the time factor and that others perhaps have to speak, I am cutting down my comments on this Motion, Sir. I welcome this Motion. All people in this country regardless of political factions have to support this because the Motion says that national unity will have to be achieved through the implementation of this project.

National unity, in its absolute sense is not possible anywhere in the world. It will have to be relative and within our political structure of things, we have provided even for various political forces to function here and on that basis various political parties are there. In spite of our multifarious political parties and factions here, which of course is necessary for a democratic concept in practice, in certain fundamentals we have to seek consensus and consensus is necessary in a project like this regardless of race, regardless of politics, regardless of ideological differences. Consensus is called for and it has to be given in a complete sense in supporting the Rukunegara and the beliefs and the principles enunciated by the Rukunegara in creating a just society and also an equitable society, not an egalitarian society. What we want is equity in the distribution of the wealth of this country and what this document tries to achieve is to see that in the distribution of our efforts, in the distribution of the results of our efforts, there shall be equity so that a just society can emerge out of that.

Now, in order to do this, national unity is called for and what is provided here does not really demand any unreasonable sacrifice

on the part of any one section of the nation vis-a-vis another section. What is called for is understanding and it is a two-way traffic. As I have said, Sir, we non-Malays are fully conscious of the fact, and those of us who are not conscious of it have to accept the fact, that the progress of the non-Malays and the security and the growth of the country depend on the growth of the Malays, and vice-versa, the Malay friends and the bumiputras have to accept the fact that the growth of the non-Malays in this country is also important and fundamental for the growth and the glory of this country. Thank you very much.

4.13 ptg.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi pendapat saya berkenaan dengan Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan yang di ketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi saya sukacita membentangkan beberapa masalah kepada Kerajaan untuk memberi perhatian, dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, the New Economic Policy has the overriding objective of promoting national unity through the two pronged strategy of:

- (1) eradicating poverty by raising income levels and increasing employment opportunities for all Malaysians irrespective of race; and
- (2) accelerating the process of restructuring society to correct economic imbalance so as to reduce and eventually eliminate the identification of race with economic function.

This well accepted strategy has been giving benefits to our people in the past three years, but, unfortunately, benefit from these developments have been drastically offset by steady price increases in the past year or so and maybe in years to come.

The Government has taken certain steps to offset this but one must realise that in this country inflationary trends are relatively felt more because of our past good performances during 1960-1971 when there had been only mild rising trends whereas all of a sudden in 1972 to 1973 there had been drastic rises and, relatively speaking, are

felt more and it is the poorer people who have been feeling these inflationary trends. Inflation is in two forms. One is imported and the other is domestic. It is here that I hope for the cutting down of imported inflation. Although steps have been taken by the Government, I hope that more steps would be taken. For example, we could perhaps subsidise imported essential commodities like rice, flour, sugar, etc. I am aware of the Government's present subsidy to rice imports, but I think more should be done for other essential commodities.

In order to cut down imported inflation we could perhaps increase the production of primary foodstuffs. It is here that land is required and it is the people in the kampungs and the new villages who are feeling this lack of land to produce these primary foodstuffs like vegetables, and cashcrops. If one looks into the problems in Northern Perak or perhaps in Southern Kedah where, for security reasons, there has been a lot of movement and a lot of arrests have been made. There is a great number of poor farmers from the villages and kampungs who have been planting illegally deep in the jungle. Of course, one can't see these happenings by the roadside, but if one goes in a helicopter, one can very easily notice bald patches deep in the middle of the jungle where a lot of illegal cultivation has been going on. Now, why do these people take part in this illegal cultivation? For a very simple reason—they don't have land and they have to live and they need land to live on. These people are harassed by communist terrorists to supply foodstuffs to them and they cannot report this to the Government for the simple reason that they are carrying on illegal cultivation. If they report, their means of livelihood will be endangered. So they get hit either way. So, it is in this respect that I hope Government would do something to try and get legal plots of land for these people to cultivate on.

There is plenty of land beside the roads, especially those of the minor roads around our country. There is plenty of land beside the roads that crisscross the main highways and these could be opened up for the people who are without land. By giving out this land and by the subsequent increase in the production of primary foodstuffs, this could perhaps be one of the methods of cutting down imported inflation.

The cutting down of domestic inflation

At the present moment, the products of primary foodstuffs are highly hit by the increase in the prices of fertilisers and feed-meals. It is in this respect I hope that the Government could do something to subsidise and cut down the prices of these feedmeals and fertilisers because we must ensure that there is a proper return for the labour or toil of the people, especially the padi farmers, the fishermen, the vegetable farmers and the poultry rearers. Subsidies can play a big role here because of the increase of cost, as I just said, of fertilisers and feedmeals. Unless producers of these primary foodstuffs are given an equitable return, a minimum wage could not be possible for wage earners in this country.

Furthermore, to further help reduce the domestic inflation by reducing prices, it is essential to improve the modes of distribution of the primary foodstuffs produced, especially by the people in the kampungs and the new villages. Here I cite an example. At the end of 1972 and the beginning of 1973 we had the problem of what was called the "Cabbage Affair" in the Cameron Highlands whereby the poor farmers there were planting cabbages and the price they got at the farm was only four cents per kati whereas the consumers were buying cabbage in the markets in Ipoh and Kuala Lumpur at 40 cents a kati. Now, somewhere along the line, 36 cents were made but it was definitely not made by the farmers. So, it must have been made by somebody in the middle.

It is here that the poor farmers are caught in between because they have no means to improve their methods of distribution. Up to now the problem has been settled and one of the ways of settling it is to ask these people to join farmers' associations whereby with the better organisation of the farmers' associations the transport problems and the distribution problems for their produce are easily settled. Hence I am perplexed by a situation whereby the cost of padi is quite different between two different States. The cost of padi in the Sekinchan and Tanjong Karang area is about \$19 per picul for practically all types of first grade padi, whereas the cost of padi in Kedah varies from \$24-\$26. For padi of the types of Mat Candu, Bahagia and Mahsuri, it is roughly \$24-\$26 per picul in Kedah whereas in

Sekinchan and Tanjong Karang it is about \$19. I think there is something wrong with the L.P.N.'s policy and this has disturbed the modes of distribution of padi and rice.

There is a difficulty faced by the rice millers of Seberang Prai, i.e. Province Wellesley, who have to buy padi and then sell 70% of their rice to the stockpile. It is not possible for these rice millers to carry on their business if they are to be cut down by this quota, whereas rice millers in Kedah are allowed to sell 70% of the rice on the free market and only 30% of the rice to the L.P.N. There is something wrong somewhere. I do not know why one rice miller from one State has to contribute a greater quota to the stockpile and other rice millers in other States do not have to. So we come to a situation where these padi farmers who want to sell padi to the rice millers in Seberang Prai find that they cannot sell to them because these chaps could not accept the padi. So they have to sell to the rice millers in Kedah. But the rice millers in Kedah have their different quotas and because of this increased demand they cannot cope up with it and they have to ask the people to work over-time thus increasing the cost of processing of rice. So when supply cannot meet the demand, naturally the price of rice on the market will increase. I would hope that the L.P.N. will look into this problem and not cause any more rise in the price of rice as we are facing a high price already.

The oil crisis that is going on at the present moment, of course, will steadily increase the price of petrol and diesel. Of course, those who can afford private cars and big limousines can afford to buy petrol and diesel. But what about the poor people in the country who need to make use of public transport? With this rise in oil prices, it is only natural that the people who run public transport like taxis and buses would pass on this rise in prices to the consumers, i.e. the poor people who are using the public transport. It is here I hope the Government will consider reducing the road taxes on these taxis and buses which are supplying a service to the public. It is the bulk of the poor public who are making use of this and perhaps by this indirect form of subsidy of reducing the road taxes for the buses and taxis, some of the benefits could be ploughed back to the general public.

Next I will go into specific problems of poverty eradication. One of the biggest agricultural programmes that is being undertaken under this Second Malaysia Plan is to increase the planted acreage of land by FELDA. Now, there is a lot of little rumblings among the FELDA settlers, in the sense that a lot of them complain that they do not know how much they owe the Government. It is a very *susah* state of affairs where the poor people from the kampung, although they might not have very much in the beginning, now that they have been moved to the FELDA schemes, they find that they are owing the Government in money and they do not know how much they are owing the FELDA authorities. Now I think this is basically a deficiency in administration rather than policy. I think that the authority should do something in settling this problem of deficiency in administration.

There is also another complaint from the farmers who intend to go into the FELDA scheme in the sense they would prefer the Government to give them land where they can develop and run it themselves so that they do not have to bear the high cost of maintaining administrators. They can become their own administrators. One reason is the cost of development of an acre of land in FELDA is round about \$1,200-\$1,300 per acre whereas the farmers who develop the land themselves can do it in the range of \$700-\$800 and they say why should they pay an extra \$400-\$500 by going into the FELDA schemes. They are wasting \$400-\$500 of their work. In this respect I think FELDA could help themselves if they would consider having inter-cropping of cash crops in between the rubber or the oil palm during the years when the rubber and oil palm trees that have been planted are taking time to grow up before they can yield. I think by allowing inter-cropping, the people who have been contracted to develop the FELDA schemes could then perhaps lessen their cost of development of these schemes.

I have just mentioned the importance of farmers' organisations authority and farmers' associations to the poor smallholders in the kampungs and new villages. These are the people who are most hard hit, in the sense they have little plots of land and they do not know much of the mode of distribution and how to get the best prices for their produces. It is in this area that the vicious middlemen

act most. I hope the farmers' authority would spend more money in publicising their organisation and I hope that they will induce more farmers to join their organisation whereby with a properly run organisation the mode of distribution of their primary product could be improved.

Now I would like to mention a bit on our rapid industrial programme in this country. We hear now that a lot of industrial estates, like those in Bayan Lepas, Seberang Prai, Kamunting, Tasek are coming up. But if you go to these industrial estates you will find that only factories are coming up and there are practically no housing schemes going up there along-side at all.

Now we are concentrating a lot on labour-intensive industries, especially electronics and textiles, and these industries engage very young labour—that means, our boys and girls between the ages of 18 and 21. Now they are a temporary transitional working class. That means they go there to acquire skills and perhaps in three or four years' time they will jump on to better jobs and better prospects. But some of them do come from quite far distances and with the cheap labour that the Government has been hankering about in attracting foreign investment, it is impossible for them to look after themselves. They have to look for a house to stay or, worse still, they have to rent a room, and with the increased industrialisation, increased development, the cause of renting rooms has increased dramatically. So for a person who earns \$2 a day or even \$3 a day, with \$90 a month, he will be lucky if he can get a \$20 room. For \$20 to spend on a room, I think that is too much for him. In this respect, I hope the Government would consider building public housing, hostel-like accommodation for these young people to live in. Of course, when our young boys and girls have to do shift work in these areas and in the middle of the night or at 3 o'clock in the morning when they leave work and with the lack of taxis and buses at such a time of the night, how do they go back to the places where they are residing? To walk 3 miles for any girl or a group of girls means inviting trouble—at 3 o'clock in the morning. In this respect, I think the Ministry of Local Government and Housing could, perhaps, come up with a proposal to build

public hostels facilities for these young transitional migratory workers and, with the incentives given to pioneer status industries, they could perhaps force it on the industrialists to buy over or to take over these public hostels and subsidise them for these young workers to stay in.

Tuan Yang di-Pertua, I know the time is short and although there is a lot more to say, I will wind up here.

Now, we have said a lot about the "haves" and the "have-nots" in this country. It is actually the "have-nots" irrespective of ethnic background, whether rural or urban, who would naturally suffer more than those who "have". Under the circumstances, I laud the Government for solving unemployment. But, in the final analysis, those who do not have land, property or employment, irrespective of ethnic origin or environment—urban or rural—are the "have-nots".

Whilst supporting the Motion, I hope all these suggestions would be given consideration by the Government. This is the time when everyone in the country should rally round and work hard towards a just and equitable society as envisaged in the New Economic Policy and as proposed by our national leader, Tun Abdul Razak. I think that with dedication and sincerity on everyone's part, especially those of our politicians, I cannot see how this task could not be fulfilled.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempokan selama 20 minit.

Persidangan ditempokan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.54 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

4.55 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya ada tiga perkara sahaja yang hendak dijawab sebagai penjelasan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Dzulkifli bin Datuk Abdul Hamid dari Sabah.

Pertama sekali, beliau menyentuh berkenaan dengan Majlis Perundingan Belia Negara (National Youth Consultative Coun-

cil). Beliau meragukan samada Kerajaan mengambil berat ataupun tidak tentang keputusan-keputusan yang dibuat oleh Majlis Perundingan Belia Negara. Saya suka menjelaskan di sini bahawa pihak Kerajaan memanglah sangat mengambil berat akan pandangan dan fikiran yang dikemukakan oleh Majlis Perundingan Belia Negara, dan bukan itu sahaja bahkan pandangan-pandangan dan fikiran-fikiran daripada golongan belia keseluruhannya adalah diambil berat oleh Kerajaan, terutama sekali yang bersifat membina dan positif. Saya suka memberi suatu contoh iaitu dalam persidangan Majlis Perundingan Belia Negara yang diadakan dalam bulan Ogos ataupun September yang lepas, suatu keputusan telah dibuat iaitu berkehendakkan supaya belia-belia yang bekerja di kilang-kilang di dalam negeri ini disediakan tempat-tempat tinggal ataupun perumahan. Maka perkara ini telah dibawa oleh Kementerian saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab tentang belia dan juga sebagai Pengerusi Majlis Perundingan Belia Negara kepada Kerajaan Pusat, dan pihak Kerajaan Pusat telahpun mempersetujui supaya diadakan tempat-tempat perumahan atau tempat-tempat tinggal bagi pekerja-pekerja kilang di kawasan perkilangan atau sebagainya. Dan adalah diputuskan juga supaya rancangan ini dijalankan oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun lebih khusus lagi oleh perbadanan-perbadanan yang di bawah Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkaitan dengan perumahan. Ini menunjukkan dengan jelasnya bahawa pandangan dan fikiran Majlis Perundingan Belia Negara itu adalah diambil berat oleh Kerajaan dan Kerajaan adalah sentiasa menimbangkan seberapa banyak dan seberapa boleh akan dijalankan.

Berkenaan dengan perkara yang kedua, iaitu beliau menyebutkan tentang patut diadakan yunit khusus berkenaan dengan hendak menolong belia-belia yang mengangur mendapatkan pekerjaan. Saya suka menjelaskan perkara menolong belia-belia mendapatkan pekerjaan ini selain daripada jentera-jentera yang memang telah sedia ada, misalnya, di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kementerian saya telahpun memang menjalankan kerja-kerja untuk menolong belia-belia mencari kerja dan juga untuk menolong pihak-pihak swasta, pihak majikan mendapatkan tenaga-tenaga pekerja. Sebagai contohnya, misalnya di Perak, baharu-baharu ini, beberapa bulan yang lepas ada

ladang-ladang yang tidak mendapat pekerja-pekerja yang cukup untuk ladangnya. Pihak pegawai-pegawai Kementerian saya telah bekerjasama dengan pihak majikan, bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri dan Jabatan-jabatan yang lain mendapatkan pekerja-pekerja. Jadi, dalam contoh ladang yang di Perlis ini, Kementerian saya dengan kerjasama pihak-pihak lain telah mendapatkan belia-belia daripada negeri Kelantan dan juga daripada Kedah untuk bekerja. Perkara yang macam ini memanglah telah di jalankan oleh Kementerian saya pada masa yang telah lalu.

Perkara yang ketiga, perkara yang berhubungan dengan kebudayaan, ada tiga perkara yang disebutkannya, iaitu apakah Kerajaan mengambil berat terhadap keputusan Kongres Kebudayaan yang telah diadakan dalam tahun 1971? Saya suka menjelaskan bahawa pihak Kerajaan, khususnya Kementerian saya adalah sangat mengambil berat dan seberapa yang boleh dijalankan daripada satu masa ke satu masa segala-galanya keputusan yang dibuat di dalam Kongres itu.

Satu lagi perkara ialah beliau kurang jelas tentang konsep Kebudayaan Kebangsaan. Saya suka merujuk Ahli Yang Berhormat itu kepada message atau perutusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri waktu kita menyambut Hari Kebangsaan pada tahun 1973 yang baharu lepas berkenaan dengan konsep Kebudayaan Kebangsaan, dan juga di Dewan Rakyat saya ada membuat statement berkenaan dengan konsep Kebudayaan Kebangsaan, dan untuk memudahkan lagi eloklah juga saya ulangi sekali lagi di Dewan Negara yang mulia ini untuk merengkas dan menjelaskan lagi kedudukan perkara ini: Konsep Kebudayaan Kebangsaan kita ialah bahawa Kebudayaan Kebangsaan Malaysia adalah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal di rantau ini. Rakyat asal ertinya bumiputra. Jadi, kebudayaan bumiputra itu adalah menjadi teras atau menjadi basis kepada Kebudayaan Kebangsaan kita. Berkenaan dengan ini saya berharap tidak akan timbul salah faham. Unsur-unsur kebudayaan daripada keturunan-keturunan yang bukan bumiputra, mana-mana yang sesuai dengan keadaan negara kita Malaysia ini bolehlah diterima dan dimasukkan atau diserapkan ke dalam Kebudayaan Kebangsaan kita yakni menjadi Kebudayaan Kebangsaan seluruhnya. Di sini

timbul perkara apa hendak jadi kepada kebudayaan keturunan-keturunan yang lain jika tidak diterima, dan untuk mengelakkan kekeliruan saya suka menjelaskan unsur-unsur kebudayaan keturunan-keturunan bukan bumiputra ini jika sekiranya dia masih lagi tebal dengan keaslian negeri asalnya dan tidak dapat diterima, maka kekallah unsur-unsur tersebut sebagai kebudayaan golongan atau community masing-masing itu, dan pihak Kerajaan tidak pernah melakukan sebarang tindakan untuk menghapuskan atau sebagainya, sebab kita percaya kepada demokrasi. Jadi, kekallah mereka sebagai kebudayaan ataupun unsur-unsur kebudayaan asal keturunan atau community masing-masing.

Beginilah juga kedudukannya dalam hal bahasa. Walaupun Bahasa Melayu kemudian dinamakan Bahasa Malaysia menjadi Bahasa Kebangsaan, tetapi bahasa-bahasa lain ada kedudukannya yang tersendiri sebagai bahasa golongan masing-masing. Dengan demikian, saya berharap perkara ini adalah jelas dan tidak menimbulkan kebimbangan di kalangan mana-mana pihak dan tidak juga diperalatkan sehingga menimbulkan emosi (emotion) yang boleh merosakkan ketenteraman negara kita.

Ahli Yang Berhormat itu ada menggunakan perkataan "mengujudkan Kebudayaan Kebangsaan", yakni "mengujudkan", ertinya mengadakan.

Bila disebutkan mengujudkan ertinya barang itu tidak ada maka kita ujudkan. Saya sukalah menegaskan di sini soal kita bukan hendak mengujudkan—Kebudayaan Kebangsaan itu memang telah ada beribu-ribu tahun di rantau kita ini di negara kita dan terasnya ialah kebudayaan rakyat asal di rantau ini. Apa yang kita hendak buat sekarang bukan hendak mengujudkan—Kebudayaan Kebangsaan itu memang telah ujud, selagi ada bangsa, selagi ada kebangsaan kita, selagi ada negara kita Kebudayaan Kebangsaan itu ujud. Apa yang kita hendak buat ialah membina, memupuk dan memajukan Kebudayaan Kebangsaan itu dengan berbagai-bagai cara, iaitu mempermajukan aspek-aspek ataupun asas unsur kebudayaan teras itu dan juga menerima atau mengolah unsur kebudayaan-kebudayaan lain yang kita terima samada daripada golongan-golongan bukan bumiputra di dalam negeri ataupun yang kita terima daripada negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja yang hendak saya jelaskan.

5.08 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian menyentuh sedikit-sebanyak dalam Kementerian saya. Saya tidak bercadang hendak bercakap banyak, tetapi saya suka menjawab sedikit-sebanyak teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dr Lim Keng Yaik telah memberikan beberapa kenyataan dan pandangan atas tiga perkara. Yang pertama, beliau menyatakan tentang sungutan-sungutan yang telah dikeluarkan oleh peneroka-peneroka FELDA tentang hutang-hutang mereka yang kebanyakan mereka tidak mengetahui dengan tepatnya dan Ahli Yang Berhormat itu telah merayu supaya pihak Kerajaan menyatakan seberapa segera yang boleh tentang jumlah hutang yang ditanggung oleh setiap peneroka itu. Sebenarnya, perkara ini ialah cerita lama, cerita beberapa masa yang lalu. Perkara ini telah disuarakan dengan begitu hebatnya oleh pihak peneroka-peneroka sendiri, tetapi pihak FELDA menyedari hakikat ini dengan sesungguhnya, tetapi tentulah untuk mengeluarkan penyata hutang bagi tiap-tiap peneroka yang berjumlah hampir 30,000 orang dengan keadaan tergesa-gesa seperti itu tentulah tidak dapat dilakukan dengan sebaik-baiknya. Akan tetapi, dengan siapnya sistem computer di Ibu pejabat FELDA, maka kira-kira hutang tiap-tiap peneroka itu boleh diketahui pada bila-bila masa sahaja dan FELDA telahpun bersetuju dan telahpun memberitahu kepada seluruh peneroka-peneroka bahawa mulai sekarang ini sehingga apabila siap sahaja computer itu, pada tiap-tiap tiga bulan sekali penyata-penyata hutang peneroka-peneroka FELDA itu akan disampaikan kepada pihak-pihak peneroka itu sendiri dengan sebaik-baiknya. Masalah ini diharap tidaklah berbangkit lagi pada masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan perkara pembahagian tanah kepada rakyat. Beliau telah mengajukan suatu saranan supaya rakyat diberikan

peluang memajukan sendiri tanah-tanah dan tidak payah dikerjakan seperti cara yang dilakukan oleh FELDA sekarang ini. Dengan cara memajukan sendiri itu, maka belanja untuk membangunkan tanah itu akan lebih murah.

Saya suka menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sistem yang dilakukan oleh FELDA sekarang ini ialah merupakan satu sistem yang tersusun rapi dengan baik bagi menjamin supaya semua rancangan-rancangan pembangunan tanah itu akan dapat mencapai kejayaan yang sewajarnya. Jika sekiranya kita serahkan tanah dengan cara leluasa begitu kepada rakyat untuk memajukan sendiri kita dapati bahawa kemajuan itu tidak akan dapat dicapai mengikut semestinya. Bagi mereka yang ingin dan sanggup memajukan tanah dengan cara persendirian dengan tidak berkehendakan bantuan Kerajaan seperti FELDA seperti ini saya sukalah menasihatkan supaya mereka janganlah masuk di bawah rancangan FELDA ini. Tak usah mereka masukkan senarai namanya memohon untuk menjadi peneroka FELDA. Ada cara lain yang mereka boleh lakukan iaitu dengan jalan memohon tanah-tanah di bawah rancangan pembahagian tanah yang dilakukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah Pengarah Tanah dan Galian di Negeri masing-masing seperti rancangan tanah berkelompok, rancangan tanah terkawal atau sebagainya. Itu sahajalah cara yang mereka boleh lakukan.

Kita merasa benar bahawa kalaulah rancangan seperti yang dilakukan oleh FELDA, oleh FELCRA dan sebagainya dengan cara yang seperti dilakukan sekarang ini dihapuskan ini akan menyebabkan keadaan pembangunan tanah akan rosak dan tidak teratur lagi dan kita tidak akan dapat tercapai kepada matlamat yang kita tuju.

Seperkara lagi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berkenaan dengan inter-cropping. Perkara ini sebenarnya ada dua masalah apakah inter-crop ini merupakan rancangan jangka pendek atau jangka panjang. Kalau jangka pendek ini kita telah mengkaji dengan semasak-masaknya sangatlah tidak berekonomi dan itu tidak dapat membantu peneroka itu sendiri bagi mendapat hasil sebaik-baiknya, tetapi dalam soal jangka panjang pihak FELDA sedang mengkaji pada masa sekarang ini di mana dicuba menanam koko di antara tanaman kelapa

sawit. Kalaupun kajian ini dan ujian ini didapati memberikan hasil yang sebaik-baiknya, baik dari segi belanja pembangunannya adalah hasil-hasil mungkin didapatinya menguntungkan kepada peneroka-peneroka itu sendiri, mungkin rancangan ini akan dapat dilakukan. Untuk melakukan satu sistem inter-cropping seperti ini bukanlah semudah kita bercakap sebab perkara ini bergantung kepada soal kesesuaian, soal baja, soal jenis tanaman dan sebagainya.

Seperkara lagi ada juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr Lim Keng Yaik iaitu perkara banyaknya pengusahapengusaha tanah haram di negara kita ini yang membuka menanam ubi kayu di merata-rata tempat seperti yang berlaku di Negeri Perak sendiri dan Yang Berhormat itu merasakan bahawa kalau Kerajaan dapat memberikan tanah dengan cara bersendirian mungkin problem perintah tanah secara haram seperti ini akan dapat di atasi pada masa akan datang dan ini juga kata beliau dapat mengelakkan daripada mereka itu dipengaruhi oleh anasir-anasir kominis yang sedang bergerak sekarang ini.

Saya suka menyatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebahagian besar daripada orang-orang yang membuka tanah cara haram seperti Negeri Perak untuk menanam ubi kayu itu sebenarnya adalah terdiri daripada orang-orang kaya, orang yang mempunyai modal yang cukup, terdiri daripada kapitalis-kapitalis besar yang mempergunakan trekter dan sebagainya bagi membuka tanah Kerajaan secara haram di tengah-tengah hutan. Apabila sampai sahaja cukup tempoh ubi kayu itu dapat di ambil baru mereka masuk dengan cara tanaman curi dan gali curi seperti inilah mereka dapat keuntungan yang sebaik-baik. Jadi masalah memberikan tanah kepada rakyat bagi mengatasi perintah haram bagi kalangan-kalangan kapitalis besar seperti ini tidak akan berhasil.

Dan satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, jika dikaitkan dengan soal dipengaruh atau mungkin dipengaruhi oleh anasiranasir jahat seperti kominis dari kalangan-kalangan perintah secara haram ini maka ini satu perkara yang amat berat. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mengetahui hal ini dengan sebenarnya saya percaya bukan sahaja di Dewan ini patut dilaporkan tetapi kepada pihak yang berkuasa sebab negara kita sekarang sedang meng-

hadapi ancaman yang keras daripada pihak kominis itu sendiri. Mudah-mudahan Ahli Yang Berhormat itu dapat memberikan kerjasama kepada pihak Kerajaan bagi menghapuskan anasir-anasir dan golongan-golongan yang membantu anasir-anasir yang jahat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai syor-syor atau cadang-cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob dan Tuan Chua Ching Cheng sukacita saya nyatakan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menempatkan semua kaum dari semua keturunan yang tidak mempunyai tanah untuk menyertai mana-mana rancangan tanah yang dikelolakan oleh Kerajaan seperti FELDA dan FELCRA. Tentang soal qota baru sebentar tadi saya telahpun memberi jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat di Dewan ini tentang kenapa qota itu tidak mustahak dilakukan, sebab pemilihan-pemilihan yang berjalan tidak berdasarkan kepada pemilihan kaum, tetapi berdasarkan kepada kelayakan-kelayakan yang sebenarnya yang dapat memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di dalam undang-undang lembaga itu sendiri seperti FELDA dan FELCRA.

Dalam soal pemilihan peserta-peserta kita sentiasa memberi keutamaan kepada bekas-bekas perajurit bagi mengantikan jasanya mereka kepada negara dan selain dari golongan ini keutamaan dalam pemilihan adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam syarat-syarat sistem pemilihan di mana mereka yang mendapat markah yang tinggi akan mendapat tempat di rancangan-rancangan FELDA. Walaupun kita tidak menentukan kota kepada golongan-golongan apa sahaja pun tetapi terhadap bekas perajurit ini secara tidak langsung seberapa boleh kita akan penuhi setidak-tidaknya 20% penyertaan bekas-bekas perajurit itu sendiri.

Berkenaan dengan syor-syor untuk memindahkan orang-orang bukan bumiputra ke kawasan-kawasan rancangan tanah seperti FELDA di Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan sebagainya, soal ini tidak dapat dijalankan dengan secara paksa dan ini adalah tergantung kepada kemahuan mereka sendiri. Berdasarkan pengalaman yang telah didapati oleh FELDA dan juga lain-lain agensi pembangunan tanah di negara ini kaum-kaum bukan bumiputra boleh dikatakan tidak bersedia meninggalkan tempat

mereka masing-masing untuk menyertai rancangan-rancangan tanah yang dibuka oleh Kerajaan. Ada setengah-setengah kaum bukan bumiputra yang telah menyertai rancangan tanah FELDA misalnya telah meninggalkan rancangan itu dengan begitu sahaja setelah memasukinya beberapa bulan. Hal ini mungkin disebabkan oleh kerana mereka lebih suka membuka atau mengusahakan tanah dengan cara bersendirian dan mungkin juga mereka itu tidak berminat untuk memiliki tanah dengan secara share system sebagaimana yang dijalankan atau mungkin mereka itu tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan-keadaan yang terdapat di rancangan-rancangan yang telah diatur itu.

Tentang cadangan Yang Berhormat Dr Lim Ah Sitt, Tuan Amaluddin bin Darus, Dr Mahathir bin Mohamad, Tuan Lew Sip Hon supaya peluang-peluang diberi kepada kaum bukan bumiputra untuk mengambil bahagian di dalam rancangan pembangunan tanah sebenarnya rancangan ini telahpun dijalankan oleh Kerajaan. Semua rancangan-rancangan tanah baik yang dikelolakan oleh Kerajaan Pusat seperti FELDA, FELCRA mahupun rancangan tanah yang dikelolakan oleh Kerajaan Negeri bukan hanya di-khaskan untuk sesuatu golongan rakyat daripada satu kaum sahaja bahkan untuk semua golongan rakyat dan semua keturunan. Permohonan-permohonan adalah sentiasa terbuka kepada semua golongan rakyat yang ingin menyertai tidak kira dari apa juga keturunan. Masaalah kurang sambutan dari kaum bukan bumiputra untuk menyertai rancangan tanah yang diusahakan oleh Kerajaan adalah satu masaalah yang perlu diberi perhatian bersama oleh semua pihak. Kerajaan tidak boleh memaksa seperti kata saya tadi supaya mereka meninggalkan kampung halaman dan tempat mereka untuk menyertai rancangan tanah yang dibuka oleh Kerajaan. Masaalah paksaan satu kaum untuk meninggalkan satu kawasan rancangan kemajuan tanah adalah satu perkara yang rumit dan jika perkara ini akan dilaksanakan, maka mustahaklah dikaji soal kemasyarakatan dan pendapatan mereka yang memerlukan masa yang agak panjang dan bagi mengatasi masaalah ini sekarang maka terpulanglah kepada semua pihak yang berkenaan terutama pemimpin-pemimpin untuk menye-

darkan mereka itu supaya sambutan yang baik diberi kepada rancangan tanah yang dibuka oleh Kerajaan di negara kita ini.

5.19 ptg.

Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah memberikan pandangan dan teguran-teguran dalam masa membahaskan usul yang dikemukakan oleh Peguam Negara mengenai Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua.

Yang Berhormat Senator Chua Ching Cheng telah menyentuh tentang masaalah peluang-peluang pelajaran di peringkat tinggi. Saya ingin menengaskan di sini sekali lagi kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila mengulang perbahasan ke atas usul mengenai Kajian Semula Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua di dalam Dewan Rakyat pada 4hb Disember, 1973, iaitu pertambahan bilangan bumiputra dibidang pelajaran tinggi hendaklah dilihat dari segi sudut yang sebenarnya iaitu sudut ketiadaannya pertimbangan peluang-peluang yang telah berakar umbi di kalangan orang-orang Melayu untuk mendapatkan pelajaran tinggi di masa-masa yang lepas. Dengan tujuan untuk mengujudkan perimbangan peluang-peluang di dalam bidang ekonomi dan pekerjaan di bawah Dasar Ekonomi Baru inilah maka perlu langkah-langkah permulaan yang tegas. Tidaklah menjadi hasrat Kerajaan bahawa langkah-langkah seperti itu akan diteruskan setiap masa. Dan apabila langkah-langkah permulaan ini menghasilkan perimbangan yang lebih baik di dalam angka kemasukan penuntut-penuntut di yaysan pelajaran tinggi maka kadar penuntut dari semua bangsa yang lebih stabil akan dapat dicapai di masa-masa yang akan datang.

Berkenaan dengan masaalah kekurangan tempat-tempat di universiti-universiti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator yang tersebut, saya suka menjelaskan bahawa 4 daripada 5 universiti yang ada masih boleh diperbesarkan untuk mengambil penuntut-penuntut yang lebih ramai lagi. Oleh kerana itu, kita tidaklah perlu memikirkan untuk menubuhkan universiti-universiti baru Kerajaan ataupun swasta.

Yang Berhormat Senator Shaari bin Jusoh telah menimbulkan masalah buku-buku teks yang dihadapi oleh murid-murid sekolah sekarang ini. Perkara ini telah dijelaskan di dalam Dewan Rakyat pada 14hb Januari, 1974 yang lepas. Kementerian Pelajaran sedar bahawa kekurangan buku-buku teks ini akan melibatkan taraf pelajaran kanak-kanak kita di bangku sekolah. Seperti mana yang kita semua ketahui, kekurangan buku-buku teks ini adalah berpunca dari beberapa faktor yang diluar kawalan kita seperti masalah kekurangan kertas sedunia sekarang, kenaikan harga bahan percetakan dan kelambatan perkhidmatan perkapalan yang berpunca dari krisis minyak sedunia. Yang Berhormat juga telah menyebut mengenai Sekolah-sekolah Agama Rakyat. Saya suka menegaskan bahawa sekalipun Kementerian Pelajaran tidak mengambil alih Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini, Kementerian Pelajaran menyedari tentang pentingnya pelajaran agama dan oleh kerana itu ada memberikan bantuan-bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah Agama Rakyat.

Mengenai cadangan yang disyorkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik supaya diadakan kajian mengenai kemerosotan di dalam peperiksaan LCE/SRP tahun 1973 di Sabah dan supaya dibanyakkan lagi sekolah-sekolah vokesyenal di sana, perkara ini terpelunglah kepada Kerajaan Negeri Sabah sendiri untuk menimbangkannya.

5.24 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Wong Seng Chow): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sukacita untuk memberi penjelasan-penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam perbincangan Kajian Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua dalam Dewan ini.

Berhubung dengan teguran Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik mengenai perkara kenaikan tambang perkhidmatan MAS pada jalan-jalan antarabangsa adalah berdasarkan kepada kadar tambang yang ditetapkan oleh IATA. IATA telahpun membuat keputusan untuk menaikkan kadar tambang penerbangan antarabangsa oleh kerana kenaikan harga minyak ke seluruh dunia. Sungguhpun MAS bukan ahli IATA, kadar-kadar tambang penerbangan antara-

bangsa MAS adalah mengikut kadar tambang IATA, iaitu sebagaimana yang dilakukan oleh syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa lain yang menjadi ahli IATA. Oleh yang demikian, Kerajaan telah ber-setuju menaikkan tambang perkhidmatan MAS sebanyak 6% bagi perjalanan antarabangsa bermula pada 1hb Januari, 1974 dan 18% bagi perjalanan dari Kuala Lumpur ke Singapura yang bermula pada 5hb Januari, tahun ini. Walau bagaimanapun, tambang perjalanan di dalam negeri termasuk ke Sabah dan Sarawak masih menurut tambang biasa seperti yang ada sekarang. Oleh yang demikian, saya percaya tidak ada apa-apa akibat yang menjejaskan hubungan muhibbah dan perpaduan yang ujud di antara Negeri-negeri di Malaysia Barat dengan Sabah atau Sarawak.

Mengenai cadangan supaya Kerajaan membayar subsidi kepada penuntut-penuntut, pegawai-pegawai Kerajaan dan pegawai tentera yang hendak pergi ke Sabah dengan tujuan supaya menambahkan lagi lawatan, memupuk rasa muhibbah dan perpaduan di antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timur, sukalah saya menerangkan bahawa pihak MAS ada menyediakan penerbangan tambang murah dua hari dalam seminggu ke Kota Kinabalu dan pihak MAS juga, ada menimbangkan permohonan penuntut-penuntut yang ingin pergi ke Malaysia Timur secara beramai-ramai.

Berhubung dengan teguran Yang Berhormat ke atas perkara perkhidmatan Keretapi yang tidak cekap dan selalu berlaku kegelinciran, Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah berulang kali menerangkan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan yang mulia ini akan tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil oleh pihak Keretapi. Sukalah saya menegaskan lagi bahawa kegelinciran itu adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang ada berkaitan seperti keadaan gerabak, rel dan kayu pengalas.

Pada masa sekarang pihak Keretapi sedang mengambil tindakan mengganti alat-alat kelengkapan yang sudah tidak sesuai lagi secara berperingkat-peringkat, memperbaiki cara perkhidmatannya, memberi latihan dan kursus-kursus kemahiran bagi membolehkan semua kakitangan Keretapi dapat menjalankan tugas-tugas dengan lebih cekap dan memberi orientasi atas tugas-tugas mereka bagi menghadiri tekad yang baharu sebagai pekerja-pekerja yang bertanggungjawab bukan sahaja kepada pihak

Keretapi bahkan juga bagi mengendalikan perjalanan keretapi yang lebih selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab satu soalan bagi pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Soalan itu ialah berkenaan dengan mogok di Malayan Thung Pau yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Yeap Kheng Yam.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedar iaitu penulis-penulis dari *Malayan Thung Pau Daily News Berhad* telah bermogok semenjak 28hb Januari tahun ini kerana membantah terhadap apa yang dikatakan penekanan ke atas ahli-ahli Kesatuan Sekerja Kebangsaan Penulis-penulis. Walaupun kedua-dua pihak telah mengadakan perbincangan-perbincangan mengenai pertikaian tersebut, mereka gagal menyelesaikan perkara itu dan Kesatuan Sekerja Kebangsaan Penulis-penulis telah pula meminta bantuan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Kementerian sedang berhubung dengan kedua-dua pihak dan mengambil langkah-langkah untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Perkara penekanan ke atas ahli-ahli juga sedang diberi perhatian.

5.30 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian yang aktif dalam perbincangan mengenai Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua pada tiga hari termasuk pada hari ini. Saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Dewan ini bahawa Kerajaan akan menimbang komen-komen, cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang membina yang telah dikeluarkan di Dewan ini.

Tujuan Kerajaan mengadakan Kajian Semula Pertengahan Penggal ini adalah untuk memberi peluang kepada Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negara ini mengkaji semula dan membincangkan dengan sepenuh-penuhnya kejayaan yang diperolehi dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Yang Kedua, Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini akan juga mendapat peluang lagi dari semasa ke semasa untuk membuat demikian dalam masa-masa yang akan datang.

Salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat telah meminta supaya satu Kajian Semula rancangan yang sama dibentangkan di Parlimen pada tiap-tiap tahun. Permintaan ini amatlah sukar untuk dipenuhi oleh sebab ia berkehendakkan tenaga dan usaha yang banyak, maklumat dan perangkaan yang lebih. Namun demikian, Dewan ini mempunyai peluang yang banyak pada tiap-tiap tahun untuk membahaskan perkara-perkara tersebut seperti dalam perbincangan-perbincangan mengenai Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Belanjawan dan sebagainya.

Beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telahpun dijawab oleh setengah-setengah Yang Berhormat Menteri-menteri tadi dan juga oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dalam perbincangan di Dewan Rakyat, oleh itu saya akan menyentuh dengan ringkasnya sahaja beberapa perkara.

Peluang-peluang bagi rakyat Malaysia

Dalam perkara ini beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyatakan keraguan-keraguan mereka tentang peluang-peluang dalam pembangunan negara kita bagi rakyat yang bukan bumiputra. Keraguan-keraguan seperti ini tidak timbul, kerana Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua telah menekankan dengan jelasnya tujuan Kerajaan untuk membina satu negara yang maju, bersatu dan adil bagi semua rakyat Malaysia di bawah Dasar Ekonomi Baru. Dalam konteks ini banyak dari usaha-usaha tegas Kerajaan dalam lapangan perindustrian dan perdagangan, pelajaran dan lain-lain lagi mestilah difahami betul-betul. Rancangan-rancangan permulaan bagi peluang-peluang kepada orang-orang Melayu dan kaum-kaum bumiputra yang lain yang telah lama terbiar di masa yang lalu sudah semestinya merupakan satu langkah yang penting. Walaupun demikian, tidaklah menjadi tujuan Kerajaan untuk meneruskan rancangan-rancangan yang tersebut pada kadar yang sama sepanjang masa.

Pada mulanya boleh jadi dia laju sedikit, pada akhirnya slow, tetapi kalau rancangan bagi orang Melayu dan juga bumiputra ada laju sedikit pada mulanya itu patutlah diadakan, kerana bumiputra dan orang Melayu telah jauh ketinggalan, dan kalau tidak laju pada mulanya bila hendak sampai akhirnya dalam masa 30 tahun itu; pada hal rancangan ini baru berjalan antara dua dan tiga

tahun. Matlamat kita adalah untuk mengujudkan pembahagian yang sama rata dan stabil kepada semua rakyat Malaysia. Untuk melakukan strategi ini Kerajaan adalah menjamin jumlah peluang-peluang untuk pelaburan, perniagaan, pelajaran dan pekerjaan terus berkembang dengan kadar yang pesat supaya pembahagian yang lebih seimbang dapat diujudkan hasil daripada perkembangan tersebut tanpa menjejaskan hak-hak dan peluang-peluang rakyat Malaysia yang lain. Perkara ini adalah menjadi batu asas dan matlamat bagi Dasar Ekonomi Baru.

Matlamat kita adalah untuk menentukan bahawa banyak peluang-peluang diadakan bagi orang-orang miskin dari semua kaum supaya dapat menyertai dengan lebih berkesan dalam lapangan ekonomi negara dan untuk membolehkan mereka yang agak berada sekarang terus menyambung dan merasai bersama-sama hasil-hasil pembangunan.

Dalam perbahasan kita selama 3 hari, saya dapati perbahasan kita adalah lebih sihat dan kadang-kadang lebih hangat. Hangat saya nampak, timbulnya dengan sebab apakala membincangkan yang dikatakan prinsip dua serampang iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan keduanya menyusun semula masyarakat Malaysia bagi memperimbangan jurang perbezaan ekonomi antara kaum. Perkara ini timbul adalah dalam pelaksanaan, kerana setengah Ahli-ahli yang bukan bumiputra ada menyatakan dalam pelaksanaan ini banyak peluang-peluang yang bukan Melayu dan bumiputra telah tersentuh atau dikurangkan atau diambil, dan sebaliknya pula ada pula Ahli Yang Berhormat daripada orang Melayu dan bumiputra menjawab tuduhan-tuduhan itu. Itulah yang saya katakan perbahasan kita menjadi lebih hangat, dan nampaknya saya tidak tahulah boleh dikatakan scorenya sama banyak dalam point. Apa yang saya nampak dalam perkara ini semenjak kita telah Merdeka dan mengadakan Rancangan Pertama, Kedua dan Ketiga, maka tidak boleh timbul satu perkara bukanlah mengambil satu hak yang lain iaitu peluang-peluang masa kita belum Merdeka dulu, masa British dan sebelum kita mengadakan rancangan-rancangan lima tahun, peluang yang sangat meluas untuk lekas mencari kekayaan; peluang itu apabila lepas Merdeka dan kita ada planning lima tahun, yang pertama, yang kedua dan ketiga mengikut peraturan-

peraturan yang tertentu, tentulah kurang peluang hendak dapat lekas kaya atau hendak membanyakkan lagi harta, sebab benda ini telah diatur oleh Kerajaan atas satu-satu rancangan sebagaimana yang diatur dalam Buku Merah, bukanlah hak itu diambil, peluang mencari kekayaan yang bebas sebagaimana yang lalu telah sempit sedikit.

Tanah

Saya beri satu misalan, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada peluang lagi sekarang macam masa dulu seseorang yang kaya minta tanah sampai tiga ribu ekar untuk membuat ladang, dua tiga orang berpakat minta lombong sampai 500 ekar, tidak timbul lagi sekarang, kerana masa dulu mereka senang boleh dapat. Sekarang misalnya kalau hendak minta tanah atau lombong atau hutan kayu, Kerajaan Negeri akan bertanya sudah dibuatkah Syarikat Kerjasama atau syarikat, berapa orang dalam syarikat itu, kalau ramai nampaknya ahli-ahlinya baru ditimbang, kerana supaya nikmat itu dirasai oleh ramai rakyat, bukan dua tiga orang lagi seperti dulu. Demikian juga kalau hendak minta bas, kalau hendak minta permit bas dan juga teksi, seorang hendak minta sampai lima bas, tiga lori, tidak boleh dapat ditimbang oleh Kementerian, buat dulu Syarikat Kerjasama, akhirnya ramai ada peluang untuk mendapat berapa banyak lesen teksi supaya ramai dapat nikmatnya. Cara dulu seorang dapat sampai 21 teksi, dia duduk di rumah, drebar 20 orang menjalankan teksi, dia mengambil untung yang besar tidak ada lagi.

Itulah yang ada setengah-setengah orang ragu-ragu sekarang, bukan peluang yang ada itu diambil. Kalau kita hendak menyusun masyarakat mesti ada peraturan, dalam peraturan inilah timbul keraguan-keraguan. Saya fikir demi kepentingan negara mestilah setengah-setengah pihak yang telah mendapat nikmat itu sanggup mengorbankan peluang-peluang itu demi kepentingan awam dan negara.

Perkara ini telah beberapa kali ditegaskan dan telah diulang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, bahawa di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, bukanlah tujuan Kerajaan untuk membasmi jurang perbezaan yang sekarang ini dialami oleh orang-orang Melayu

dan kaum-kaum Bumiputra yang lain diberbagai-bagai lapangan, dengan cara memin-dahkan jurang perbezaan ini kepada rakyat Malaysia yang lain di masa hadapan. Tidak, bukan itu tujuannya. Apa yang kita cari adalah peluang-peluang yang sama rata sekarang ini dan satu masyarakat yang adil bagi seluruh rakyat Malaysia.

Beberapa Ahli Yang Berhormat merasa bahawa kejayaan yang telah dicapai dalam pelaksanaan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah tidak memuaskan. Saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa jentera Kerajaan telah diarah untuk menentukan supaya pelaksanaan ini adalah sejajar dengan matlamat-matlamat yang telah dibuat. Jentera mengawas di bawah Majlis Tindakan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, telah ditubuhkan khas bagi tujuan ini. Parlimen dan orang ramai juga mempunyai banyak peluang untuk mengawasi keadaan ini dan membincang kejayaan dalam usaha-usaha peraksanaan dari masa ke semasa.

Kemiskinan

Yang Berhormat Senator Amaluddin Darus menyatakan bahawa kemajuan yang digaris-kan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua adalah tidak bermakna kepada kenaikan harga yang telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dokumen Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua menyedari akan masalah yang disebabkan oleh kenaikan harga, malah satu Bab telah di-khususkan bagi perkara dalam Buku Merah. Perangkaan berhubung dengan kejayaan-kejayaan yang terkandung dalam Kajian Semula tersebut telah menggunakan kedua-dua harga-harga semasa di samping meng-huraikan kemajuan tersebut dalam bentuk sebenar, yang berarti bahawa kejayaan yang telah dicapai, diukur setelah menolak bahagian dari kenaikan harga sebagaimana yang ditunjukkan dalam Kajian, meskipun terdapat kenaikan harga pada tahun-tahun kebelakangan ini. Kejayaan-kejayaan yang kita perolehi adalah sangat menggalakkan dan secara keseluruhannya, terdapat kemajuan yang berkesan dalam pendapatan-pendapatan sebenar dan pengguna-pengguna rakyat Malaysia.

Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Haji Yaacob mencadangkan supaya banci isi-rumah dijalankan untuk mengetahui mereka

yang berpendapatan rendah bagi dipindahkan ke kawasan-kawasan dan aktiviti yang baharu. Saya ingin menjelaskan bahawa Kajian Semula telah pun menggunakan penyiasatan selepas Banci yang dijalankan sejajar dengan Banci Penduduk, 1970 di dalam mengenalisa pendapatan-pendapatan isi-rumah. Saya berharap pengertian kita tentang bidang dan masalah-masalah kemiskinan dapat diper-baiki lagi bila maklumat dari Penyiasatan Perbelanjaan isi-rumah Negara, yang pada masa sekarang sedang dijalankan, dapat di-analisa dengan sepenuhnya. Kerajaan juga sedang menjalankan beberapa projek-projek penyelidikan untuk mengkaji masalah-masalah kemiskinan, setengahnya bersama-sama dengan yang dijalankan oleh Bank Dunia. Dengan faedah dari Penyiasatan dan Kajian tersebut, Kerajaan berharap dapat membentangkan masalah kemiskinan dan memuaskan lebih banyak lagi ramalan-ramalan serta analisa matlamat pendapatan yang lebih mendalam dari Dasar Ekonomi Baru Rancangan Malaysia Ketiga.

Hakmilik orang-orang Melayu di bidang Perdagangan dan Perindustrian

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh langkah kedua Dasar Ekonomi Baru dan mencadangkan beberapa langkah untuk memperbaiki hakmilik dan pengurusan orang-orang Melayu di bidang Perdagangan dan Perindustrian.

Di sini saya ingin menegaskan bahawa sungguhpun matlamat yang dibuat dalam hal ini, iaitu sebanyak 30% hakmilik orang Melayu dan kaum-kaum Bumiputra yang lain menjelang tahun 1990, adalah satu cabaran tetapi ia bukanlah satu-satu yang tidak mungkin dicapai jika keupayaan ekonomi untuk kemajuan dan pembangunan digunakan dengan sepenuh-penuhnya. Terca-painya matlamat ini bersama-sama dengan matlamat-matlamat lain seperti yang terdapat dalam Rancangan Jangka Panjang adalah asas kejayaan Dasar Ekonomi Baru dalam membentuk satu masyarakat Malaysia yang adil, yang penuh dengan peluang-peluang bagi seluruh rakyatnya. Saya ingin memberi jami-nan kepada Dewan ini bahawa Kerajaan dengan sokongan rakyat, akan melakukan segala-gala yang boleh bagi menjamin ter-capainya matlamat pembahagian hakmilik dan matlamat gunatenaga dengan sepenuhnya dalam jangkamasa yang ditentukan.

Kerajaan telah pun menambah peruntukan bagi PERNAS, UDA, MARA untuk membolehkan mereka mencepatkan perkembangan hakmilik saham orang-orang Melayu dan kaum-kaum Bumiputra yang lain dengan berkesan, sehingga orang-orang Melayu dan kaum-kaum Bumiputra yang lain itu sendiri boleh mendapatkannya dengan sumber-sumber mereka itu sendiri. Oleh kerana tugas menyediakan orang-orang Melayu dan kaum-kaum Bumiputra yang lain supaya dapat menyertai dengan berkesan dalam kegiatan-kegiatan sektor moden ini adalah berat, perhatian yang teliti adalah diberi kepada pelajaran dan latihan di bidang sains, teknologi dan perniagaan; kepada bantuan teknik dan perkhidmatan-perkhidmatan perunding untuk peniaga-peniaga Melayu dan Bumiputra yang lain; kepada peruntukan tempat tempat berniaga dan kemudahan-kemudahan fizikal di pusat-pusat bandar yang ada dan dipusat-pusat pembangunan yang baru untuk peniaga-peniaga Melayu dan Bumiputra yang lain; dan kepada usaha-usaha menggalakan usaha-bersama di antara orang-orang Melayu dengan rakyat Malaysia yang lain dan kepentingan-kepentingan asing.

Kerajaan akan terus mengadakan segala bantuan yang perlu. Akan tetapi adalah penting bagi orang-orang Melayu dan kaum-kaum Bumiputra yang lain sendiri untuk merebut peluang-peluang yang diadakan dan memainkan peranan mereka dengan mengumpulkan tabungan dan menanam modal dalam pelaburan-pelaburan yang menguntungkan. Mereka mestilah juga melengkapkan diri mereka dengan pelajaran dan latihan yang diperlukan untuk menayakan pelaburan-pelaburan yang tersebut.

Hakmilik Asing

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara mengenai hakmilik asing dalam ekonomi kita. Adalah nyata bahawa sebahagian besar daripada harta-benda negara yang dimiliki oleh orang-orang asing. Ini adalah akibat daripada pelaburan asing dalam ladang-ladang dan lombong-lombong bijih timah kita yang telah berjalan selama beberapa tahun. Itulah sebab banyaknya sehingga sekarang 64% lebih kurang modal di negeri ini dalam tangan asing. Kerajaan sedar bahawa bahagian pelaburan asing ini perlu dikurangkan dan langkah mengurangkannya mestilah diambil sedikit demi sedikit demi kepentingan

ekonomi negara kita juga. Langkah ini adalah wajar bagi satu ekonomi terbuka seperti Malaysia jika ianya hendak mengekalkan ekonomi yang setabil dan kepercayaan dalam suasana pelaburannya, iaitu perkara-perkara yang akan membolehkan ekonomi kita berkembang dengan kadar yang tinggi seperti yang dikehendaki. Oleh itu, dalam Bab Rancangan Jangka Panjang dalam Kajian Semula Rancangan Pertengahan Penggal, Kerajaan telah merangka matlamat-matlamat bagi menentukan bahawa menjelang tahun 1990, kedudukan yang seimbang akan tercapai dalam hakmilik harta-benda negara.

Cadangan oleh setengah Ahli Yang Berhormat untuk Kerajaan mengambil alih sertamerta sekarang segala investment daripada orang luar misalnya katanya daripada negeri Jepun dengan serta-merta, pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak bijak, kerana negeri kita masih sedang membangun dan berkehendakkan negara-negara luar yang ada wang masuk investing atau menanam modal di dalam negeri kita supaya memberi pekerjaan yang lebih kepada orang-orang kita. Kemasukan mereka itu kita awasi, bukanlah dia boleh buat dengan sewenang-wenangnya. Kalau ada kecaman-kecaman dengan sebab itu selalu dibuat mengatakan mesti diambil semua penanaman modal-modal asing negeri ini menjadi hak milik negara, maka akan menakutkan mereka itu kelak untuk menanam modal di negeri kita ini.

Saya misalkan baharu-baharu ini dua kilang telah dibangunkan, misalnya dalam MATSUSHITA di mana 100% dimodali oleh orang-orang Jepun dan perkara-perkara yang dibuat dalam kilang itu ialah untuk diekspot semata-mata dan mengambil 1,000 pekerja terdiri daripada orang-orang kita. Banyak kilang-kilang lain yang membuat begini, tetapi kalau kata-kata yang kita sebutkan dalam Dewan ini selalu dikeluarkan di luar, kita bimbang pula negeri-negeri lain tidak hendak memasukkan modal-modal mereka dalam negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat mestilah sedar bahawa pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dengan tidak seorangpun mengalami apa-apa kehilangan ataupun merasai hakmiliknya diketepikan, memerlukan keadaan ekonomi yang berkembang. Perkembangan ekonomi boleh terganggu dengan mudah jika yang diambil untuk menyusun semula hakmilik harta-harta negara

tidak melibatkan pemahaman dan perancangan yang sewajarnya. Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk menggunakan pelaburan asing dengan berfaedah bagi perkembangan negara oleh kerana pelaburan ini selalunya mengadakan teknologi moden, kepakaran atau expert dan perhubungan pemasaran antara bangsa. Kita boleh melalui dasar-dasar sewajarnya dan melalui usaha-usaha bersama mendapat faedah daripada pelaburan-pelaburan tersebut dan kita juga boleh menentukan bahawa hakmilik rakyat Malaysia akan bertambah dari semasa ke semasa. Dengan cara ini matlamat pembangunan serta pembebasan ekonomi bolehlah dicapai dengan gangguan yang minima.

Satu seruan telah dibuat bagi mengadakan satu Undang-undang anti-Trust. Di dalam perkembangan ekonomi yang pesat seperti yang terdapat di Malaysia peluang-peluang monopoli semestinya akan timbul, tetapi Kerajaan sedar tentang perkara ini dan masalah-masalah yang mungkin akan timbul. Saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa Kerajaan akan terus mengawasi dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menghindarkan penumpuan kuasa ekonomi di kalangan pengusaha-pengusaha di negeri ini.

Petro-Chemical

Mengenai pengusaha-pengusaha penapis minyak atau petro-kimia atau petro-chemical adalah tujuan Kerajaan untuk mengadakan perusahaan penapis minyak dan petro-kimia di Malaysia berasaskan kepada usaha bersama (joint venture). Dengan adanya perjumpaan baharu sumber-sumber minyak baru-baru ini, permintaan yang bertambah bagi baja dan bahan-bahan untuk pengeluaran plastik serta permintaan bagi keluaran petrol dijangka akan bertambah. Perusahaan-perusahaan tersebut akan menguntungkan, tetapi pengusaha-pengusaha ini adalah tersangat specialised dan memerlukan usaha bersama dengan orang-orang asing untuk memberi bantuan-bantuan teknologi dan pakar-pakar untuk menjalankan kilang-kilang ini. Pembangunan perusahaan-perusahaan ini akan memberi kesan-kesan pengganda yang akan membantu usaha-usaha kita untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga teguran-teguran berkenaan dengan hal lain dan saya cuba menjawabnya bagi mewakili Kementerian-kementerian yang lain.

Yang Berhormat Dr Mahatir ada memberi teguran terhadap Undang-undang Kerajaan di mana seperti yang tidak berlesen ditegah menyimpan padi lebih 30 pikul dan beliau juga berpendapat bahawa cara membentuk undang-undang seperti ini tidak baik walaupun Undang-undang ini diluluskan, tetapi undang-undang ini tidak dijalankan sekarang.

Katanya, jika Undang-undang dijalankan beliau hendak mengetahui Pegawai yang berhak menjalankan kuasa Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawabnya. Peraturan-peraturan Perlu atau Kawalan Bekalan Beras, 1974 dan perintah-perintah beras yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu terpaksa diadakan sebelum berlakunya sesuatu kejadian. Misalnya, kejadian menyimpan beku beras (hoarding) telah berlaku pada musim yang lepas dan oleh kerana tidak ada kuasa untuk mengatasi perkara itu dari segi Undang-undang, maka tiada apa-apa tindakan yang dapat diambil untuk mengatasi kejadian yang telah berlaku. Memandangkan keadaan yang demikian itu, Kerajaan fikir adalah perlu bahawa kuasa undang-undang yang dimaksudkan di atas itu diadakan sebelum berlakunya sesuatu kejadian yang akan datang. Kuasa-kuasa yang diberi kepada Lembaga Padi dan Beras Negara melalui peraturan-peraturan dan perintah-perintah yang dimaksudkan di atas tidak akan digunakan sewenang-wenangnya. melainkan pada masa-masa yang tertentu sahaja. Ketua Pengarah Lembaga Padi dan Beras Negara selaku Pengawal Bekalan Beras akan menjalankan undang-undang ini bila masa diperlukan.

Berkaitan dengan keuntungan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya diberitahu kenyataan ini tidak berapa benar, kenyataan yang telah diterima dari petani-petani menunjukkan bahawa mereka telah puas hati dengan kenaikan harga padi pada hari ini.

Inflasi

Menyentuh inflasi sekarang Yang Berhormat Tuan Amaluddin Darus menyatakan bahawa Kerajaan telah memberi subsidi 50 sen segantang terhadap beras impot, walaupun begitu harga beras katanya yang diimpot dalam negeri ini tidak begitu rendah. Pada menjawabnya berkaitan dengan subsidi sebanyak 50 sen yang dikena ke atas beras yang diimpot itu, saya ingin menyatakan di sini bahawa subsidi itu hanya dikenakan

pada beras-beras yang diimpot yang dijual oleh Lembaga Padi dan Beras Negara sahaja, dan tidak pula meliputi beras-beras yang diimpot oleh pihak-pihak swasta, maka harga beras yang diimpot oleh pihak-pihak swasta adalah jauh lebih tinggi lagi daripada harga beras yang diimpot dan dijual oleh Lembaga Padi dan Beras Negara. Oleh yang demikian, kenyataan itu adalah tidak berapa terang dan boleh jadi mengelirukan.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Dr Lim Keng Yaik, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menjawabnya tadi. Saya ingin menambah lagi iaitu ada peruntukan perumahan telah ditambah dalam Buku Merah ini daripada \$170 juta hingga \$240 juta di dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua. Ini tidak termasuk perumahan yang akan dibina oleh pihak swasta, FELDA, UDA dan SEDC. Berkenaan dengan perumahan, dalam Paragraph 632 dalam Buku Merah ini ada menyatakan rancangan-rancangan Kerajaan berkenaan dengan perumahan, sekiranya Yang Berhormat itu ada membaca Buku Merah ini, saya percaya keraguan itu tidak timbul.

Yang Berhormat Senator Dr Mahathir ada menyatakan berkenaan dengan projek ladang berkumpul atau collective farms. Perkara ini sedang dalam kajian dan siasatan Jabatan Pertanian dan Lembaga Kemajuan Pertanian, UDA dan LKPP, tentu sekali perkara ini akan ditimbang pada masa akan datang samada kita hendak cuba atau tidak.

Yang Berhormat Tuan Haji Dzulkifli dari Sabah ada juga menyatakan penanaman padi di Sabah. Rundingan dengan Kerajaan Negeri Sabah menerusi Jabatan Pertanian dan Lembaga Padi dan Beras Sabah telah diarahkan dalam usaha menambah keluasan kawasan padi di Sabah. Kawasan yang telah dicuba iaitu di Kinabatangan didapati tidak begitu sesuai oleh sebab semasa banjir air yang banyak itu menjadikan kawasan itu tenggelam, melainkan satu masa kelak dengan belanja yang besar kalau diadakan dam menyekat air itu, boleh jadi kawasan itu digunakan. Saya diberitahu juga berkenaan dengan kawasan 250,000 ekar di Labuk Valley, sebagaimana Yang Berhormat Datuk Syed Kechik telah menyatakan perkara itu,

kawasan itu adalah tidak sesuai untuk ditanam padi tetapi adalah lebih sesuai kesuburan tanah itu bagi ditanam kelapa sawit, getah dan lain-lain.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum issue yang sangat hangat pada ketika ini tentang kenaikan harga barang-barang pada keseluruhannya, terutama sekali barang-barang keperluan hari-hari. Kerajaan adalah sedar atas penderitaan rakyat jelata akibat dari inflasi seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Penjelasan-penjelasan mengapa berlakunya inflasi dalam negara ini dan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan telah banyak kali diterangkan termasuklah langkah-langkah Kerajaan hendak meminda Undang-undang Kawalan Harga supaya kenaikan harga dapat diawasi dengan lebih berkesan lagi dan Rang Undang-undang ini akan dibentangkan ke Dewan ini untuk kelulusan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Yeap Kheng Yam, Senator Damisah Dasir, Senator Tuan Haji Hassan bin Haji Yaakub, Senator Amaluddin bin Darus, Senator Datuk Syed Kechik, Senator Dr Mahathir bin Mohamad dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan soal inflasi dan kesan keseluruhannya. Dalam hubungan ini Kerajaan adalah sentiasa sedar dan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya kesan inflasi di negeri ini tidak menimbulkan akibat yang lebih buruk dan melumpuhkan ekonomi negara keseluruhannya. Kenaikan harga barang-barang keperluan pada keseluruhannya seperti gula dan tepung gandum baharu-baharu ini adalah tidak dapat dilakukan. Kerajaan telahpun mengkaji dengan sedalam-dalamnya sebelum sesuatu kenaikan harga barang-barang itu dibenarkan. Sebelum menentukan kenaikan sesuatu harga barang-barang Kerajaan terlebih dahulu mengambil perhatian di atas semua faktor yang berkaitan, termasuklah kadar pertukaran wang asing (foreign exchange) perubahan harga di pasaran barang-barang antarabangsa dan masaalah harga pengangkutan. Kerajaan juga memberikan subsidi di mana yang boleh seperti gula dan pengecualian cukai seperti yang diberikan pada tepung dan gula.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab banyak yang menyebutkan berkenaan dengan subsidi, saya hendak menerangkan di sini berkenaan dengan tepung gandum supaya jelas apabila Yang Berhormat balik dapat menerangkan kepada rakyat.

Tepung Gandum

Kenaikan harga pukol rata bagi gandum di pasaran dunia ialah \$480.48 satu tan. Pihak kilang tepung telah memohon kenaikan harga tepung gandum sebanyak 20 sen sekati di peringkat harga runcit. Jemaah Menteri telah menimbangankan perkara ini dan mengambil keputusan seperti berikut:

"Bersetuju bahawa harga runcit tepung gandum dinaikkan sebanyak 10 sen sahaja pada tiap-tiap satu kati selama tiga bulan. Pihak industri hendaklah menampung apa-apa perbezaan di antara harga kos pengeluaran (cost of production) dengan harga jualan.

Bahawa perusahaan itu diberi perkecualian dua perseratus cukai atau surtax ke atas biji gandum, bahawa permohonan ini akan berkuatkuasa pada 25hb Januari—lima hari yang lalu. Pada peringkat harga runcit tepung gandum sebanyak 40 sen sekati di Malaysia merupakan negara yang mengalami harga tepung yang murah sekali di rantau South-East Asia."

Umpamanya, di Singapura harga runcit tepung hari ini 50 sen sekati, di sini 40 sen. Ini telah menyebabkan masalah bekalan di kawasan-kawasan sempadan di mana penyeludupan-penyeludupan merupakan penarik atau attractive.

Gula

Kenaikan telah mengecualikan cukai eksais terhadap gula supaya harga gula pasir di pasaran tempatan dapat dikekalkan di peringkat yang berpatutan iaitu 45 sen sekati di Semenanjung Malaysia dan 50 sen sekati di Malaysia Timur dalam tahun 1973. Jumlah pengecualian cukai yang diberi selama ini adalah seperti berikut:

Tahun 1972 \$5,499,900.

Tahun 1973 pengecualian telah diberi \$29,044,800.

Kerajaan telah mengendalikan stockpile gula pada tahun lalu untuk menampung kekurangan bekalan gula dengan membeli gula pasir di pasaran dunia sebanyak 10,000 tan. Kerajaan telah membiayai sebanyak 0.2 juta tan dalam hal ini.

Oleh kerana gula mentah di pasaran dunia semakin meningkat, Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa harga gula pasir telah naik sebanyak \$82 se tan di peringkat borong atau 5 sen sekati di peringkat runcit,

tetapi kenaikan itu cuma dikuatkuasakan pada 25-1-74 dan perusahaan itu diberikan kecuialian separuh cukai eksais sebanyak \$153.82 satu metrik tan di Semenanjung Malaysia dan pengecualian separuh cukai impot sebanyak \$129.80 bagi Malaysia Timur.

Di sini nyatalah Kerajaan telah mengurbankan berjuta-juta ringgit, sebagaimana saya sebutkan tadi supaya harga gula itu kalau naik sedikit sahaja, tetapi kalau tidak ada tindakan Kerajaan menarik separuh cukai atau eksais harga boleh jadi bukan 45 sen, yang sebenarnya hendak dijual 55 sen atau 60 sen sekati.

Perlu juga saya tegaskan di sini sekalipun langkah-langkah serupa ini telah dijalankan, kenaikan harga barang-barang ini bertambah naik juga, tetapi sekiranya langkah-langkah seperti ini tidak dijalankan sebagaimana saya sebutkan tadi, maka harga barang-barang tersebut akan bertambah lebih banyak lagi harganya. Bagaimanapun, inflasi di negara kita ini dan juga di mana-mana sekalipun sukar untuk dibeza-bezakan kesannya seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hassan bin Haji Yaekub, kerana perkara ini nampaknya tidak praktikal.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengumumkan di Dewan ini tentang kejayaan Pegawai-pegawai Penguatkuasa di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berhubung dengan perbuatan menyuruk tepung gandum supaya bekalan-bekalannya berkurangan dengan tujuan untuk mendapat untung yang berlebihan. Dalam bulan Disember, 1973 dan Januari tahun ini beberapa rampasan ke atas tepung gandum yang disuruk-surukkan telah dibuat di Pulau Pinang sebanyak 1,108 Kampit (bag).

Di Selangor 60 kampit, Kelantan 860 kampit, Johor 9 kampit, Trengganu 111 kampit dan di Sabah 2,236 kampit telah dirampas. Kejayaan Pegawai-pegawai penguatkuasa ini adalah dengan kerjasama dari rakyat jelata yang telah memberikan maklumat tentang amalan perdagangan yang kurang sihat. Pegawai-pegawai Penguatkuasa akan terus ditambah dalam tahun 1974 dan beberapa orang pegawai akan dihantar ke Sabah apabila perlantikan itu telah dijalankan.

Mengenai 30% penyertaan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian Kerajaan mengakui tentang hakikat bahawa golongan Bumiputra tidak mempunyai wang yang cukup untuk terus aktif dalam kedua

bidang yang berkenaan. Di samping itu bilangan projek-projek perindustrian yang dipunyai dan dikelolakan oleh Bumiputra adalah kecil jika dibandingkan dengan kilang-kilang yang besar-besar yang dipunyai oleh yang bukan Bumiputra. Dengan adanya kesedaran tentang kekurangan dan kelemahan ini Kerajaan kita telah menetapkan agar penyertaan Bumiputra itu diadakan dengan cara berperingkat-peringkat dan beransur-ansur di mana matlamat 30% itu hendaklah dicapai dalam tempoh 20 tahun.

Saya suka menyatakan di sini bahawa dalam tempoh 20 tahun itu adalah merupakan jangka masa yang panjang juga dan dengan adanya kesanggupan yang lebih luas di kalangan Bumiputra ajensi-ajensi Kerajaan dan Kerajaan sendiri adalah dipercayai matlamat 30% itu akan dapat dicapai. Usaha-usaha yang ternyata yang telah dijalankan oleh beberapa golongan Bumiputra yang telah sedar tentang matlamat ini adalah dengan adanya kemudahan-kemudahan credit dan pinjaman-pinjaman wang dan dengan tertubuhnya Bank Pembangunan Malaysia Trust Fund yang merupakan sumber kewangan bagi Bumiputra ini untuk memulakan projek-projek mereka. Di samping itu Yunit Penyertaan Bumiputra di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah juga ditetaskan untuk menentukan agar matlamat 30% itu akan dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita rasanya bertuah dapat mengambil bahagian membahaskan Rancangan Malaysia Kedua sebagaimana yang ada kita bahaskan sehingga hari ini dan kita berdoa pada tahun 1990—20 tahun lagi, moga-moga cita-cita yang baik oleh Kerajaan dan negara kita akan tercapai, boleh jadi antara kita tidak ada lagi pada masa itu—20 tahun, tetapi saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya menyatakan bahawa kita berasa bangga masing-masing di sini ada mengambil bahagian dalam matlamat Kerajaan untuk faedah anak cucu-cicit kita yang akan datang. Sungguhpun, boleh jadi kita tidak berjumpa pada hari itu tetapi kita berharap dan berdoa

moga-moga tercapai demi kepentingan negara dan anak cucu kita.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya akhiri ucapan ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas komen-komen mereka itu yang saya percaya tentu ikhlas daripada hati yang ikhlas yang membina terhadap document Kerajaan Kajian Semula ini. Komen-komen ini, serta kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah memberi galakkan kepada Kerajaan. Kami bagi pihak Kerajaan berasa bersama untuk mengambil segala langkah-langkah yang perlu untuk menjamin bahawa tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat dasar tersebut akan dapat dicapai dalam masa yang ditentukan. Kerajaan menyeru semua rakyat dari semua lapisan untuk menyertai cabaran ini dan usaha-usaha Kerajaan bagi membina satu masyarakat yang adil, sama rata, maju, bagi semua rakyat Malaysia dalam masa jenerasi ini juga. Marilah kita bersama-sama berdoa supaya segala cita-cita yang suci murni ini akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. (*Tepuk*)

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, *sambil menyedari* kejayaan cemerlang dalam masa tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua dalam usaha-usaha untuk mencapai dua matlamat utama Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia bagi memperimbangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, *meluluskan* Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, dengan peruntukan-peruntukan perbelanjaan pembangunan awam yang dikaji semula bagi tujuan memenuhi matlamat-matlamat yang telah bertambah dari segi ukuran-ukuran dasar dan rancangan-rancangan pembangunan sebagaimana yang tercatat dalam Kertas Perintah No. 44 tahun 1973.

Bahawa, sambil meluluskan Kajian Semula Rancangan ini, Dewan *menyeru* agar semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup dengan sepenuh azam akan membaharui dedikasi dan melibatkan diri mereka dalam usaha yang penuh cabaran ini bagi menentukan kejayaan sepenuhnya matlamat Rancangan Malaysia Kedua serta Dasar Ekonomi Baru dan dengan ini akan mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama dan satu negara yang bersatu dan maju yang seharus-

nya dapat kita semua rakyat Malaysia banggakan dalam memberi perkhidmatan dan mempertahankannya, sebagaimana yang dikehendaki oleh Rukunegara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 4hb Februari, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.20 petang.